



# **UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR**

**CETAKAN SEMULA**

## **UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN SELANGOR 1959**

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2008.*

DICETAK DENGAN  
KEBENARAN DULI YANG MAHA MULIA MENURUT  
PERKARA C(1) UNDANG-UNDANG  
TUBUH KERAJAAN SELANGOR 1959

## UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN SELANGOR 1959

Pertama kali diperkenalkan sebagai  
Bahagian Pertama Undang-Undang  
Tubuh Kerajaan Selangor 1948 ... .. 1 Februari 1948

Kemudian Bahagian Kedua Undang-Undang  
Tubuh Kerajaan Selangor 1950  
telah diperkenalkan ... .. 2 Mei 1950

Bahagian Pertama Undang-Undang  
Tubuh Negeri Selangor 1948 dan  
Bahagian Kedua Undang-Undang  
Tubuh Kerajaan Selangor 1950  
dimansuhkan dan diganti dengan  
Undang-Undang Tubuh Kerajaan  
Selangor 1959 ... .. 1 April 1959

### *CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

*Cetakan Semula Yang Pertama* ... .. 1996

## KANDUNGAN

	MUKA SURAT
SUSUNAN PERKARA	5 - 10
UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN SELANGOR 1959	11 - 78
SENARAI PINDAAN	79 - 81
SENARAI PERKARA YANG DIPINDA	82 - 85

**UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR****UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN  
SELANGOR 1959**

---

**SUSUNAN PERKARA**

---

**PERMULAAN**

## Perkara

- I. Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa
- II. Pindaan

**BAHAGIAN PERTAMA  
UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN**

- III. Bahagian Pertama Undang-Undang
- IV. Tafsiran

*Bab 1 – Sultan*

- V. Sultan dan Waris
- VI. Keturunan Sultan Hisamuddin Alam Shah
- VII. Keturunan Almarhum Sultan Ala'iddin Sulaiman Shah, dll.
- VIII. Ketiadaan keturunan Almarhum
- IX. Ketidakdewasaan Sultan
- IXA. Pertabalan Sultan dan Tengku Ampuan
- X. Ketiadaan Sultan secara berpanjangan
- XI. Sultan turun Takhta
- XII. Pelantikan Sultan dalam hal ketiadaan Sultan yang berpanjangan atau Sultan turun Takhta
- XIII. Pewarisan apabila tiada waris yang layak atau berlaku keengganan untuk mengesahkan mana-mana waris yang layak

*Bab 2 – Waris*

## Perkara

- XIV. Gelaran bagi waris kepada Takhta
- XV. Waris tidak dibenarkan campur tangan dalam urusan Negeri
- XVI. Kelayakan Waris
- XVII. Keturunan Sultan Hisamuddin Alam Shah
- XVIII. Keturunan Almarhum Sultan Ala'iddin Sulaiman Shah, Almarhum Sultan Abdul Samad, Almarhum Sultan Muhammad Shah, Almarhum Sultan Ibrahim Shah dan Almarhum Sultan Salehuddin
- XIX. Ketiadaan Waris secara berpanjangan
- XX. Waris turun Takhta

*Bab 3 – Pemangkuan Raja*

- XXI. Pemangkuan Raja
- XXII. Pemangku Raja sebagai Anggota Majlis Raja-Raja

*Bab 4 – Dewan Di-Raja*

- XXIII. Penubuhan Dewan di-Raja
- XXIV. Keanggotaan dan pelantikan
- XXIVa. Sumpah ahli
- XXV. Keberterusan selepas kemangkatan Sultan
- XXVI. Tempoh jawatan ahli
- XXVII. Kekosongan
- XXVIII. Memanggil mesyuarat dan kuorum
- XXIX. Sultan hendaklah menjadi pengerusi
- XXX. Kemangkatan Sultan atau Sultan turun Takhta
- XXXI. Setiausaha
- XXXII. Pengemukakan soalan
- XXXIII. Sultan boleh bertindak secara berlawanan

Perkara

- XXXIV. Minit
- XXXV. Bahasa rasmi
- XXXVI. Prosedur dan pelantikan jawatankuasa
- XXXVII. Pengundian

*Bab 5 – Gelaran dan Penghormatan*

- XXXVIII. Sultan sumber penghormatan dan kebesaran
- XXXIX. Kuasa untuk menurunkan pangkat
- XL. Balai dan istana Sultan

*Bab 6 – Consort Sultan dan Raja Muda*

- XLI. Pelantikan Tengku Ampuan
- XLII. Penghentian pelantikan
- XLIII. Pemegang pertama
- XLIIIa. Peruntukan Tengku Permaisuri
- XLIV. Pelantikan Consort Raja Muda

BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN  
SELANGOR 1959

JENTERA KERAJAAN

- XLV. Bahagian Kedua Undang-Undang
- XLVI. Tafsiran

*Bab 1 – Agama Negeri*

- XLVII. Agama Negeri
- XLVIII. Sultan sebagai Ketua agama Negeri



*Bab 2 – Mohor Kerajaan*

Perkara

XLIX. Mohor Kerajaan

*Bab 3 – Eksekutif*

- L. Kuasa eksekutif
- LI. Pelantikan Menteri Besar
- LII. Pelantikan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang dan Pegawai Kewangan
- LIII. Majlis Mesyuarat Kerajaan
- LIV. Sumpah jawatan
- LIVa. Setiausaha Politik
- LV. Sultan hendaklah bertindak mengikut nasihat
- LVI. Kuorum bagi Majlis Mesyuarat Kerajaan
- LVII. Rayuan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan
- LVIII. Minit
- LIX. Bahasa rasmi bagi Majlis Mesyuarat Kerajaan

*Bab 4 – Kuasa Pengampunan*

- LX. Kuasa pengampunan, dll.

*Bab 5 – Badan Perundangan*

- LXI. Badan Perundangan Negeri
- LXII. Keanggotaan Dewan Negeri
- LXIII. Kelayakan ahli
- LXIV. Kehilangan kelayakan menjadi ahli Dewan Negeri
- LXV. Peruntukan melarang dua keanggotaan
- LXVI. Kesan kematian, kehilangan kelayakan dan larangan pencalonan tanpa persetujuan
- LXVII. Keputusan tentang kehilangan kelayakan

Perkara

- LXVIII. Pelepasan keahlian
- LXIX. Ketidakhadiran seseorang ahli
- LXX. Memanggil, memprorog dan membubarkan Dewan Negeri
- LXXI. Speaker Dewan Negeri
- LXXII. Sumpah oleh ahli
- LXXIII. Titah oleh Duli Yang Maha Mulia
- LXXIV. Saraan ahli
- LXXV. Prosedur Dewan Negeri
- LXXVI. Kuorum
- LXXVII. Keistimewaan Dewan Negeri
- LXXVIII. Penjalanan kuasa perundangan
- LXXIX. Penyiaran Rang Undang-Undang
- LXXX. Rang Undang-Undang Persendirian
- LXXXI. Perkataan memperbuat undang-undang
- LXXXII. Bahasa
- LXXXIII. Minit

*Bab 6 – Kewangan*

- LXXXIV. Tiada pencukaian melainkan jika dibenarkan oleh undang-undang
- LXXXV. Perbelanjaan yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan
- LXXXVI. Penyata kewangan tahunan
- LXXXVII. Rang Undang-Undang Perbekalan
- LXXXVIII. Perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebih
- LXXXIX. Pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan

*Bab 7 – Keupayaan Negeri*

- XC. Keupayaan Negeri berkenaan dengan harta, kontrak dan guaman



*Undang-Undang Negeri Selangor**Bab 8 – Kedudukan Istimewa Berhubungan dengan Orang Melayu*

Perkara

- XCI. Perizaban kuota berkenaan dengan perkhidmatan, permit dsb. bagi orang Melayu

*Bab 9 – Peruntukan Am*

- XCII. Layanan saksama bagi pekerja Negeri  
XCIII. Cogan kata, bendera dan lambang Negeri  
XCIV. Tafsiran  
XCV. Pentafsiran Undang-Undang Tubuh Kerajaan oleh Mahkamah Persekutuan

*Prerogatif Di-raja*

- XCVI. Prerogatif Duli Yang Maha Mulia terpelihara

*Bab 10 – Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri*

- XCVII. Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri

*Bab 11 – Pindaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan*

- XCVIII. Pindaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan

*Bab 12 – Peruntukan Peralihan*

- XCIX. Peruntukan sementara tentang keanggotaan Majlis Mesyuarat Kerajaan

*Bab 13 – Pencetakan Semula dan Teks Sahih Undang-Undang Tubuh Kerajaan*

- C. Pencetakan semula dan teks sahih Undang-Undang Tubuh Kerajaan

*JADUAL*

**UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR****UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN  
SELANGOR 1959**

T. ALAM SHAH  
(TANDATANGAN RAJA)

(MOHOR KERAJAAN)

*Dengan nama ALLAH, Yang Maha Pengasih, Yang Maha Penyayang, PUJI-PUJIAN bagi ALLAH, Tuhan semesta Alam, dan semoga dilimpahkan ALLAH rahmat dan kesejahteraan-Nya ke atas Junjungan Kita Nabi Muhammad s.a.w dan semua Keluarga serta Sahabat Baginda.*

DENGAN LIMPAH KURNIA ALLAH, HISAMMUDIN ALAM SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN ALA'IDDIN SULAIMAN SHAH (Darjah Utama Seri Mahkota Negara, Darjah Kerabat Brunei), Sultan dan Yang di-Pertuan bagi Negeri Selangor dan segala Wilayah Tanggungannya:

BAHAWASANYA melalui suatu Perjanjian yang kemudian daripada ini disebut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957, yang dibuat pada lima haribulan Ogos 1957 antara Baginda Ratu di satu pihak dengan Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Negeri Johor, Pahang, Selangor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Perak dan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar dan Pembesar-Pembesar Memerintah bagi Negeri Sembilan di pihak yang satu lagi, perkiraan yang baru telah dipersetujui demi keamanan, ketenteraman dan pemerintahan yang baik bagi wilayah-wilayah yang termasuk dalam Persekutuan Tanah Melayu:

DAN BAHAWASANYA melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957, adalah dipersetujui oleh pihak-pihak kepada Perjanjian itu bahawa mulai dari tiga puluh satu hari bulan Ogos 1957, Negeri-Negeri Melayu iaitu Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Perak dan bekas Negeri-Negeri Selat iaitu Pulau Pinang dan Melaka hendaklah dibentuk menjadi sebuah Negara Persekutuan yang baru dengan nama Persekutuan Tanah Melayu di bawah Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Perjanjian tersebut; dan bahawa dengan yang demikian Negeri-Negeri Selat iaitu Pulau Pinang dan Melaka hendaklah terhenti daripada menjadi sebahagian daripada jajahan



Baginda Ratu dan Baginda Ratu hendaklah berhenti daripada menjalankan apa-apa kedaulatan ke atasnya dan semua kuasa dan bidang kuasa Baginda Ratu dan Parlimen United Kingdom dalam atau berkenaan dengan Negeri-Negeri Selat atau Negeri-Negeri Melayu itu atau Persekutuan secara keseluruhannya hendaklah tamat; dan bahawa, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan tersebut dan kepada Jadual Keempat kepada Perjanjian tersebut, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan semua perjanjian lain yang masih berkuat kuasa antara Baginda Ratu dengan Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja atau sesiapa jua antara mereka sebelum sahaja tiga puluh satu hari bulan Ogos tersebut hendaklah menjadi batal mulai dari hari itu; dan bahawa peruntukan-peruntukan Perjanjian tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan Perlembagaan Persekutuan tersebut melalui Ordinan Persekutuan dan melalui Enakmen setiap Negeri Melayu itu:

DAN BAHAWASANYA Perlembagaan Persekutuan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957, seperti yang disebut terdahulu, telah diluluskan melalui Ordinan Badan Perundangan Persekutuan dan melalui Enakmen Negeri Selangor:

DAN BAHAWASANYA mengikut Perkara III Bahagian Pertama dan Kedua masing-masingnya dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1948 dan 1950, Beta mengekalkan pada diri Beta dan Pengganti-Pengganti Beta kuasa, dengan nasihat dan persetujuan Majlis Negeri yang hendaklah dinyatakan melalui ketetapan atas suatu usul yang dicadangkan untuk diputuskan dalam Majlis itu, dari semasa ke semasa untuk menambah, meminda, meluaskan dan membatalkan mana-mana atau kesemua peruntukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan seperti yang Beta dan Pengganti-Pengganti Beta fikirkan patut:

DAN BAHAWASANYA BETA berpendapat bahawa adalah sekarang suai manfaat bagi maksud mematuhi peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan tersebut untuk meminda dan meluaskan Bahagian Pertama dan Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1948 dan 1950:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, dengan hak dan kuasa prerogatif Beta sebagai Sultan dan Yang di-Pertuan Negeri Selangor setelah berunding dengan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan dengan nasihat serta persetujuan Majlis Negeri Beta

yang dinyatakan melalui suatu ketetapan atas suatu usul yang dicadangkan untuk diputuskan dalam Majlis itu pada dua puluh enam haribulan Februari 1959, DENGAN INI MENGISYTIHARKAN DAN MEMERINTAHKAN atas nama Beta dan bagi pihak Pengganti-Pengganti Beta seperti yang berikut:

#### PERMULAAN

##### **Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa**

I. Undang-Undang ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dan hendaklah dalam Bahagian seperti yang diperuntukkan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini dan hendaklah dibaca tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 April 1959.

##### **Pindaan**

II. Bahagian Pertama dan Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1948 dan 1950 sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa adalah dengan ini dibatalkan dan digantikan dengan kedua-dua Bahagian yang berikut.

#### BAHAGIAN PERTAMA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN

##### **Bahagian Pertama Undang-Undang**

III. Bahagian ini dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan hendaklah dinamakan Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor yang dalam bahasa Inggeris hendaklah dinamakan "Laws of the Constitution of Selangor" (kemudian daripada ini disebut Bahagian ini).

##### **Tafsiran**

IV. (1) Dalam Bahagian ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Dewan di-Raja" ertinya badan yang ditubuhkan di bawah Perkara XXIII Bahagian ini;



“Hukum Syarak” ertinya undang-undang Islam dalam mana-mana mazhab yang sah;

“Kerabat di-Raja” ertinya mana-mana adik-beradik lelaki yang sah kepada Sultan yang memerintah;

“Orang-Orang Besar” ertinya Orang-Orang Besar Daerah Hulu Langat, Hulu Selangor, Sabak Bernam, Gombak, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat, Sepang dan Petaling, dan mana-mana orang Melayu lain yang telah dianugerahi atau akan selepas ini dianugerahi apa-apa pangkat atau gelaran atau Darjah atau Pingat Penghormatan menurut Perkara XXXVIII;

“Orang Tua-Tua” termasuklah mana-mana lelaki Melayu Selangor yang menganut agama Islam mengikut mazhab *Shafii* berumur tidak kurang daripada 35 tahun, dan diakui telah dilahirkan sah taraf dan dengan sah dan di samping itu boleh membaca dan menulis bahasa Melayu dan mempunyai reputasi, akal budi, sifat, resmi, perawakan dan tingkah laku yang baik dan terpuji;

“Sultan” ertinya Raja bagi Negeri Selangor dan termasuklah Pengganti Baginda;

“Waris”, yang dalam bahasa Inggeris disebut “*Heir*”, ertinya Waris Utama kepada Takhta dan Kesultanan Selangor;

“Waris yang lain”, yang dalam bahasa Inggeris disebut “*other Heirs*”, ertinya orang yang berhak kepada Takhta dan Kesultanan Selangor selepas Waris Utama.

(2) Jika mana-mana perkataan atau ungkapan yang digunakan dalam Bahagian ini ditakrifkan dalam Bahagian Kedua Undang-Undang ini maka perkataan atau ungkapan itu hendaklah disifatkan mempunyai erti yang sama dalam Bahagian ini.

### *Bab 1 – Sultan*

#### **Sultan dan Waris**

V. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Perkara VIII Sultan hendaklah seorang Melayu, yang berdarah Raja, keturunan Sultan Selangor, seorang lelaki, dan menganut agama Islam; dan Waris dan setiap Waris yang lain hendaklah juga orang yang sedemikian.

**Keturunan Sultan Hisamuddin Alam Shah**

**VI.** (1) Tertakluk kepada peruntukan yang terkandung dalam Perkara VII dan VIII Sultan (selepas Sultan sekarang) hendaklah seorang yang lahir dengan sah dan diakui keturunan daripada tubuh badan dan darah daging DULI YANG MAHA MULIA SULTAN HISAMUDDIN ALAM SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN ALA'IDDIN SULAIMAN SHAH.

(2) Keturunan yang layak untuk menjadi Sultan hendaklah seorang anak lelaki, cucu lelaki, cicit lelaki dan seterusnya daripada jurai lelaki, daripada satu generasi kepada generasi yang berikutnya sehingga ke akhir, iaitu tidak boleh sekali-kali dibenarkan dan adalah menyalahi undang-undang untuk mengesahkan atau memilih dan melantik sebagai Sultan mana-mana orang selain keturunan Sultan Hisamuddin Alam Shah, selagi masih ada keturunan sebagaimana yang di atas daripada Baginda yang tersebut:

Dengan syarat bahawa seseorang keturunan Baginda yang disebut itu tidak layak, jika beliau difikirkan dan ditentukan, selepas dijalankan siasatan yang penuh dan lengkap oleh Dewan di-Raja, mempunyai kecacatan yang besar dan serius, yang menjejaskan kesesuaiannya sebagai seorang Sultan, iaitu apa-apa kelemahan seperti ketidaksempurnaan akal, buta, bisu atau memiliki sifat buruk yang kerananya beliau tidak dibenarkan oleh Hukum Syarak untuk menjadi Sultan.

**Keturunan Almarhum Sultan Ala'iddin Sulaiman Shah, dll.**

**VII.** (1) Jika pada bila-bila masa keturunan daripada jurai lelaki Duli Yang Maha Mulia Sultan Hisamuddin Alam Shah menjadi pupus sama sekali, ataupun jika masih terdapat seorang lagi keturunan sedemikian tetapi beliau tidak layak untuk dijadikan seorang Sultan kerana sebab yang ditentukan dalam Perkara VI, maka perlu dipilih dan dilantik menjadi Sultan mana-mana orang daripada kalangan keturunan jurai lelaki ALMARHUM SULTAN ALA'IDDIN SULAIMAN SHAH.

(2) Jika tidak ada keturunan daripada jurai lelaki Almarhum Sultan Ala'iddin Sulaiman Shah atau jika tidak ada mana-mana orang daripada keturunan jurai lelaki Almarhum Sultan Ala'iddin Sulaiman Shah yang difikirkan layak kerana sebab yang ditentukan dalam Perkara VI, maka perlu dipilih dan dilantik menjadi Sultan mana-mana orang daripada kalangan keturunan jurai lelaki ALMARHUM SULTAN ABDUL SAMAD.



(3) Jika tidak ada keturunan daripada jurai lelaki Almarhum Sultan Abdul Samad atau jika tidak ada mana-mana orang daripada keturunan jurai lelaki Almarhum Sultan Abdul Samad yang difikirkan layak kerana sebab yang ditentukan dalam Perkara VI, maka perlu dipilih dan dilantik menjadi Sultan mana-mana orang daripada kalangan keturunan jurai lelaki ALMARHUM SULTAN MUHAMMAD SHAH.

(4) Jika tidak ada keturunan daripada jurai lelaki Almarhum Sultan Muhammad Shah atau jika tidak ada mana-mana orang daripada keturunan jurai lelaki Almarhum Sultan Muhammad Shah yang difikirkan layak kerana sebab yang ditentukan dalam Perkara VI, maka perlu dipilih dan dilantik menjadi Sultan mana-mana orang daripada kalangan keturunan jurai lelaki ALMARHUM SULTAN IBRAHIM SHAH.

(5) Jika tidak ada keturunan daripada jurai lelaki Almarhum Sultan Ibrahim Shah atau jika tidak ada mana-mana orang daripada keturunan jurai lelaki Almarhum Sultan Ibrahim Shah yang difikirkan layak kerana sebab yang ditentukan dalam Perkara VI, maka perlu dipilih dan dilantik menjadi Sultan mana-mana orang daripada kalangan keturunan jurai lelaki ALMARHUM SULTAN SALEHUDDIN.

(6) Tiada seorang pun boleh dipilih dan dilantik menjadi Sultan menurut kuasa peruntukan yang terkandung dalam Perkara ini melainkan jika beliau seorang lelaki yang diakui daripada keturunan yang tulen dan yang sah di sisi undang-undang.

#### **Ketiadaan keturunan Almarhum**

**VIII.** (1) Jika tidak ada seorang pun yang layak di bawah peruntukan Perkara VII maka pemilihan dan pelantikan Sultan hendaklah diserahkan kepada pertimbangan, pengamatan dan keputusan Dewan di-Raja:

Dengan syarat bahawa orang yang bakal dipilih dan dilantik hendaklah seorang lelaki yang matang usianya, berfikiran waras, berbangsa Melayu dan dilahirkan dalam Negeri Selangor, seorang rakyat Sultan yang terdahulu, menganut agama Islam, daripada keturunan yang baik-baik, dan diakui telah dilahirkan sah taraf dan dengan sah, dan di samping itu dapat membaca dan menulis dalam bahasa Melayu, dan mempunyai reputasi, akal budi, sifat, resmi, perawakan dan tingkah laku yang baik dan terpuji.

(2) Jika orang yang dipilih dan dilantik menjadi Sultan tidak berdarah raja, maka peruntukan Perkara V tidak terpakai tetapi hal itu hendaklah disifatkan sebagai suatu pengecualian yang sah kepada Perkara itu.

### **Ketidakdewasaan Sultan**

**IX.** (1) Sultan, jika telah dinaikkan ke Takhta sebelum Baginda mencapai umur genap dua puluh satu tahun mengikut kiraan Islam, tidak boleh dikira sebagai seorang dewasa, dan sepanjang tempoh Baginda masih belum dewasa itu, hendaklah dilantik seorang untuk bertindak sebagai Pemangku Raja atau suatu Jemaah Pemangku Raja yang terdiri daripada tidak kurang daripada tiga orang anggota.

(2) Pemangku Raja dan anggota Jemaah Pemangku Raja hendaklah berbangsa Melayu dan dilahirkan dalam Negeri Selangor, menganut agama Islam dan merupakan rakyat Sultan, tetapi tidak semestinya berdarah raja.

(3) Walau apa pun peruntukan Perkara XXI, Pemangku Raja atau anggota Jemaah Pemangku Raja hendaklah dipilih oleh Dewan di-Raja dan hendaklah dilantik dengan Surat Cara di bawah Mohor Kerajaan yang ditandatangani oleh Menteri Besar, dan pelantikan ini hendaklah diberitahukan dalam *Warta*.

(4) Pemangku Raja hendaklah bertanggungjawab atas semua tindakan Sultan dalam urusan Negeri sepanjang tempoh Baginda masih belum dewasa, dan jika tindakan ini bertentangan dengan adat resam Negeri dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, maka Dewan di-Raja boleh memecat Pemangku Raja atau mana-mana anggota Jemaah Pemangku Raja itu dan melantik orang lain untuk menggantikan tempatnya.

### **Pertabalan Sultan dan Tengku Ampuan**

**IXA.** (1) Sultan hendaklah ditabalkan mengikut adat istiadat Negeri dalam masa empat tahun dari tarikh Pengesahan dan Proklamasi Baginda sebagai Sultan atau, dengan persetujuan Dewan di-Raja, dalam tempoh sedemikian dari tarikh Baginda mencapai umur genap dua puluh satu tahun.

(2) *(Dipotong oleh Sel. P.U. 16/2002).*



(3) Jika Sultan tidak ditabalkan dalam tempoh yang dinyatakan dalam Fasal (1) Baginda hendaklah disifatkan telah turun Takhta dan melepaskan hak dan kuasa di-Raja Baginda, dan peruntukan Fasal (4) Perkara XI hendaklah terpakai dengan sewajarnya.

### **Ketiadaan Sultan secara berpanjangan**

**X.** (1) Sultan tidak boleh meninggalkan Negeri Selangor selama lebih daripada dua belas bulan kalendar berturut-turut dan jika Baginda berbuat demikian, seorang Pengganti hendaklah dipilih dan dilantik mengikut peruntukan Bahagian ini, melainkan jika Dewan di-Raja berpendapat bahawa ketiadaan Sultan yang berpanjangan itu adalah kerana sesuatu sebab yang mencukupi dan boleh dimaafkan.

(2) Jika Sultan meninggalkan Negeri sedemikian, Baginda hendaklah disifatkan bukan lagi Sultan dan telah menarik diri daripada Negeri dan daripada hak dan tuntutan Baginda ke atas Negeri:

Dengan syarat bahawa Dewan Negeri boleh melalui undang-undang mengadakan peruntukan bagi saraan Sultan sedemikian suatu elaun yang tidak lebih daripada satu perempat daripada jumlah wang yang telah ditetapkan bagi saraan Baginda semasa Baginda menjadi Sultan pemerintah dan amaun elaun itu hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan.

(3) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh terpakai bagi Sultan semasa Baginda memegang jawatan atau menjalankan fungsi Yang di-Pertuan Agong.

### **Sultan turun Takhta**

**XI.** (1) Sultan boleh, jika Baginda berhasrat sedemikian, secara sukarela turun Takhta dan melepaskan hak dan kuasa di-Raja Baginda.

(2) Jika pada masa Baginda turun Takhta Sultan bersemayam dalam Negeri, tindakan turun Takhta itu hendaklah dibuat dengan Surat Cara di bawah tandatangan Baginda dan Mohor Kerajaan dan Surat Cara itu hendaklah disaksikan oleh Menteri Besar, dan sekurang-kurangnya tiga orang ahli Dewan di-Raja yang hendaklah hadir bersama semasa Sultan menandatangani Surat Cara tersebut.

(3) Jika pada masa Baginda turun Takhta Sultan tidak bersemayam dalam Negeri, tindakan turun Takhta hendaklah dibuat dan didalilkan mengikut cara yang diarahkan oleh Dewan di-Raja.

(4) Apabila diberitahukan dalam *Warta* perihal turun Takhta itu, maka Sultan hendaklah disifatkan bukan lagi Sultan dan telah menarik diri daripada Negeri dan daripada hak dan tuntutan Baginda ke atas Negeri:

Dengan syarat bahawa Baginda berhak mendapat elaun seumur hidup yang amaunnya hendaklah ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Dewan Negeri melalui ketetapan dan hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan dan tidak boleh melebihi satu perempat daripada jumlah wang yang telah ditetapkan untuk saraan Baginda semasa Baginda masih menjadi Sultan pemerintah dan, jika Baginda tidak memiliki rumah sendiri, hendaklah berhak disediakan baginya oleh Dewan Negeri suatu tempat kediaman yang sesuai sepanjang hayat Baginda.

**Pelantikan Sultan dalam hal ketiadaan Sultan yang berpanjangan atau Sultan turun Takhta**

**XII.** Sekiranya Sultan tidak lagi menjadi Sultan menurut kuasa Perkara IXA, X atau XI, maka hendaklah menjadi perlu dipilih dan dilantik seorang Sultan baru mengikut peruntukan Perkara V hingga VIII.

**Pewarisan apabila tiada waris yang layak atau berlaku keengganan untuk mengesahkan mana-mana waris yang layak**

**XIII.** (1) Bilamana, sekiranya berlaku kekosongan Takhta dan Kesultanan Selangor, tidak ada orang yang layak di bawah peruntukan Perkara VII untuk disahkan sebagai Sultan, atau jika layak telah tidak disahkan sedemikian, maka hendaklah menjadi kewajipan Dewan di-Raja untuk memilih dan melantik seseorang untuk menjadi Sultan:

Dengan syarat bahawa orang yang bakal dipilih dan dilantik itu hendaklah seorang lelaki, yang matang usianya, berfikiran waras, berbangsa Melayu dan dilahirkan dalam Negeri Selangor, seorang



rakyat Sultan yang terdahulu, menganut agama Islam, daripada keturunan yang baik-baik tetapi tidak semestinya berdarah raja, dan diakui telah dilahirkan sah taraf dan dengan sah, dan di samping itu dapat membaca dan menulis dalam bahasa Melayu dan mempunyai reputasi, akal budi, sifat, resmi dan tingkah laku yang baik dan beramanah.

(2) Selepas seseorang yang dipilih dan dilantik di bawah peruntukan Fasal (1) menjadi Sultan, maka selepas itu keturunan yang layak menjadi Sultan hendaklah anak lelaki, cucu lelaki, cicit lelaki dan seterusnya daripada jurai lelaki, daripada satu generasi kepada generasi yang berikutnya sehinggalah ke akhir, iaitu, tidaklah boleh sekali-kali dibenarkan dan adalah menyalahi undang-undang untuk memilih menjadi Sultan mana-mana orang selain keturunan Sultan yang dipilih dan dilantik sebagaimana yang disebut terdahulu di bawah peruntukan Fasal (1):

Dengan syarat bahawa seseorang keturunan Sultan yang dipilih di bawah peruntukan Fasal ini tidak layak, jika beliau difikirkan dan ditentukan, selepas dijalankan siasatan yang penuh dan lengkap oleh Dewan di-Raja, mempunyai kecacatan yang besar dan serius, yang menjejaskan kesesuaiannya sebagai seorang Sultan, iaitu, apa-apa kelemahan seperti ketidaksempurnaan akal, buta, bisu atau memiliki sifat buruk yang kerananya beliau tidak dibenarkan oleh Hukum Syarak untuk menjadi Sultan.

## *Bab 2 – Waris*

### **Gelaran bagi waris kepada Takhta**

**XIV.** (1) Waris hendaklah dikenali dengan gelaran Raja Muda, Selangor, yang dalam bahasa Inggeris disebut "the Crown Prince of Selangor", dan gelaran ini hendaklah bererti bahawa Baginda ialah Waris Utama kepada Sultan dan tidak boleh digunakan oleh atau dipakaikan bagi mana-mana orang yang tidak sebenarnya diputuskan sebagai Pengganti Sultan.

(2) Waris hendaklah dipilih dan dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia setelah berunding dengan Dewan di-Raja dan hendaklah selepas itu ditabalkan mengikut adat istiadat Negeri.

**Waris tidak dibenarkan campur tangan dalam urusan Negeri**

**XV.** Waris tidak mempunyai apa-apa jua kuasa pun untuk mengambil bahagian atau campur tangan dalam apa-apa urusan Negeri atau Kerajaan, kecuali hanya apabila Baginda dititahkan berbuat demikian oleh Sultan dan peruntukan ini hendaklah juga terpakai bagi Waris yang lain:

Dengan syarat bahawa jika mana-mana orang sedemikian dilantik memegang jawatan dalam Negeri maka Perkara ini tidaklah terpakai bagi pelaksanaan tugasnya semasa memegang jawatan itu.

**Kelayakan Waris**

**XVI.** Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Perkara XVIII, Waris hendaklah seorang Melayu, yang berdarah raja, keturunan Sultan Selangor, seorang lelaki, dan menganut agama Islam; setiap seorang Waris yang lain hendaklah juga orang yang sedemikian.

**Keturunan Sultan Hisamuddin Alam Shah**

**XVII.** (1) Waris hendaklah seorang yang lahir dengan sah dan diakui keturunan daripada tubuh badan dan darah daging DULI YANG MAHA MULIA SULTAN HISAMUDDIN ALAM SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN ALA'IDDIN SULAIMAN SHAH.

(2) Keturunan yang layak untuk menjadi Waris hendaklah seorang anak lelaki, cucu lelaki, cicit lelaki dan seterusnya daripada jurai lelaki, daripada satu generasi kepada generasi yang berikutnya sehingga ke akhir, iaitu, tidak boleh sekali-kali dibenarkan dan adalah menyalahi undang-undang untuk memilih sebagai Waris mana-mana orang selain daripada keturunan DULI YANG MAHA MULIA SULTAN HISAMUDDIN ALAM SHAH, selagi masih ada keturunan sebagaimana yang di atas daripada Baginda yang tersebut.



**Keturunan Almarhum Sultan Ala'iddin Sulaiman Shah, Almarhum Sultan Abdul Samad, Almarhum Sultan Muhammad Shah, Almarhum Sultan Ibrahim Shah dan Almarhum Sultan Salehuddin**

**XVIII.** (1) Jika pada bila-bila masa keturunan daripada jurai lelaki Duli Yang Maha Mulia Sultan Hisamuddin Alam Shah menjadi pupus sama sekali, apabila dihasratkan untuk memilih dan melantik Waris maka perlu dipilih dan dilantik menjadi Waris mana-mana orang daripada kalangan keturunan jurai lelaki **ALMARHUM SULTAN ALA'IDDIN SULAIMAN SHAH.**

(2) Jika tidak ada keturunan daripada jurai lelaki Almarhum Sultan Ala'iddin Sulaiman Shah apabila dihasratkan untuk memilih dan melantik Waris maka perlu dipilih dan dilantik menjadi Waris mana-mana orang daripada kalangan keturunan jurai lelaki **ALMARHUM SULTAN ABDUL SAMAD.**

(3) Jika tidak ada keturunan daripada jurai lelaki Almarhum Sultan Abdul Samad apabila dihasratkan untuk memilih dan melantik Waris maka perlu dipilih dan dilantik menjadi Waris mana-mana orang daripada kalangan keturunan jurai lelaki **ALMARHUM SULTAN MUHAMMAD SHAH.**

(4) Jika tidak ada keturunan daripada jurai lelaki Almarhum Sultan Muhammad Shah apabila dihasratkan untuk memilih dan melantik Waris maka perlu dipilih dan dilantik menjadi Waris mana-mana orang daripada kalangan keturunan jurai lelaki **ALMARHUM SULTAN IBRAHIM SHAH.**

(5) Jika tidak ada keturunan daripada jurai lelaki Almarhum Sultan Ibrahim Shah apabila dihasratkan untuk memilih dan melantik Waris maka perlu dipilih dan dilantik menjadi Waris mana-mana orang daripada kalangan keturunan jurai lelaki **ALMARHUM SULTAN SALEHUDDIN.**

(6) Tiada seorang pun boleh dipilih dan dilantik menjadi Waris menurut kuasa peruntukan yang terkandung dalam Perkara ini melainkan jika beliau seorang lelaki yang diakui daripada keturunan yang tulen dan sah di sisi undang-undang.

**Ketiadaan Waris secara berpanjangan**

**XIX.** (1) Waris tidak boleh meninggalkan Negeri Selangor selama lebih daripada dua belas bulan kalendar berturut-turut dan, jika baginda berbuat demikian, seorang Pengganti boleh dipilih dan dilantik mengikut peruntukan Bahagian ini, melainkan jika Duli Yang Maha Mulia berpendapat bahawa ketiadaan Waris secara berpanjangan itu kerana sesuatu sebab yang mencukupi dan boleh dimaafkan.

(2) Jika Waris meninggalkan Negeri sedemikian, Baginda hendaklah disifatkan bukan lagi Waris dan telah menarik diri daripada Negeri dan daripada hak dan tuntutan Baginda ke atas Negeri:

Dengan syarat bahawa, jika difikirkannya sesuai, Dewan Negeri boleh melalui undang-undang mengadakan peruntukan bagi saraan Waris sedemikian suatu elaun yang tidak melebihi satu perempat daripada jumlah wang yang telah ditetapkan bagi saraan Baginda semasa Baginda menjadi Waris dan amaun mana-mana elaun sedemikian hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan.

**Waris turun Takhta**

**XX.** (1) Waris boleh jika baginda berhasrat sedemikian, secara sukarela turun Takhta dan melepaskan hak dan kuasa di-Raja Baginda.

(2) Jika pada masa turun Takhta dan pelepasan itu Waris itu tinggal dalam Negeri, tindakan turun Takhta dan pelepasan itu hendaklah dibuat dengan Surat Cara di bawah tandatangan Baginda dan Mohor Kerajaan dan Surat Cara itu hendaklah disaksikan oleh Menteri Besar dan dua orang ahli Dewan di-Raja yang hendaklah hadir bersama semasa Waris menandatangani Surat Cara tersebut.

(3) Jika pada masa turun Takhta dan pelepasan itu Waris itu tidak tinggal dalam Negeri, tindakan turun Takhta itu hendaklah dibuat dan didalilkan mengikut cara yang diarahkan oleh Dewan di-Raja.



(4) Apabila diberitahukan dalam *Warta* perihal turun Takhta dan pelepasan itu maka Waris hendaklah disifatkan bukan lagi Waris dan telah menarik diri daripada Negeri dan daripada hak dan tuntutan Baginda ke atas Negeri:

Dengan syarat bahawa Baginda berhak mendapat elaun seumur hidup yang amaunnya hendaklah ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Dewan Negeri melalui ketetapan dan hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan dan tidak boleh melebihi satu perempat daripada jumlah wang yang telah ditetapkan untuk saraan Baginda semasa Baginda masih menjadi Waris dan, jika Baginda tidak memiliki rumah sendiri, hendaklah berhak disediakan baginya oleh Dewan Undangan suatu tempat kediaman yang sesuai sepanjang hayat Baginda.

### *Bab 3 – Pemangkuan Raja*

#### **Pemangkuan Raja**

**XXI.** (1) Tertakluk kepada mana-mana peruntukan selanjutnya yang boleh dibuat dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, maka hendaklah ada Pemangkuan Raja dalam Negeri di bawah keadaan yang berikut:

- (a) jika Duli Yang Maha Mulia tidak ada dalam Negeri selama lebih daripada tiga puluh hari;
- (b) jika Duli Yang Maha Mulia tidak berupaya untuk menangani urusan Negeri; atau
- (c) jika Duli Yang Maha Mulia dipilih memegang jawatan atau menjalankan fungsi Yang di-Pertuan Agong.

(2) Dalam hal apabila Duli Yang Maha Mulia hendak meninggalkan Negeri, Baginda hendaklah melantik seorang Pemangku Raja atau suatu Jemaah Pemangku Raja sebagaimana yang pada hemat Baginda paling suai manfaat.

(3) Dalam hal ketidakupayaan Duli Yang Maha Mulia, Dewan di-Raja hendaklah melantik seorang Pemangku Raja atau suatu Jemaah Pemangku Raja sebagaimana yang pada hematnya suai manfaat.

(4) Duli Yang Maha Mulia hendaklah melantik seorang Pemangku Raja atau suatu Jemaah Pemangku Raja sebagaimana yang pada hemat Baginda suai manfaat untuk menjalankan fungsi Baginda sebagai Sultan sekiranya Baginda dipilih memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong atau sekiranya Baginda menjalankan fungsi jawatan Yang di-Pertuan Agong selama tempoh yang melebihi lima belas hari.

(5) Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja sedemikian hendaklah berhenti bertindak sebaik sahaja Duli Yang Maha Mulia kembali ke Negeri atau sebaik sahaja Baginda pulih atau sebaik sahaja Baginda berhenti memegang jawatan atau menjalankan fungsi Yang di-Pertuan Agong.

(6) Semua pelantikan di bawah Perkara ini hendaklah diberitahukan dalam *Warta*.

### **Pemangku Raja sebagai Anggota Majlis Raja-Raja**

**XXII.** (1) Sekiranya Duli Yang Maha Mulia dilantik memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong atau sekiranya Baginda menjalankan fungsi jawatan Yang di-Pertuan Agong selama tempoh yang melebihi lima belas hari, maka tempat Baginda sebagai anggota Majlis Raja-Raja hendaklah diambil oleh Pemangku Raja atau seorang anggota Jemaah Pemangku Raja yang dilantik bagi maksud itu oleh Jemaah itu.

(2) Duli Yang Maha Mulia boleh melantik dengan Surat Cara di bawah tandatangan Baginda dan Mohor Kerajaan mana-mana orang yang berbangsa Melayu dan menganut agama Islam untuk mengambil tempat Baginda sebagai anggota Majlis Raja-Raja, dengan syarat bahawa dalam hal keadaan yang tersebut dalam Fasal (1) pelantikan sedemikian hendaklah dibuat oleh Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja mengikut mana-mana yang berkenaan.



(3) Tiap-tiap pelantikan di bawah Fasal (2) hendaklah untuk tempoh masa dan tertakluk kepada syarat dan sekatan yang ditetapkan dalam Surat Cara pelantikan itu.

#### Bab 4 – Dewan Di-Raja

##### **Penubuhan Dewan di-Raja**

**XXIII.** Dewan di-Raja adalah dengan ini ditubuhkan untuk membantu dan menasihati Sultan dalam menjalankan fungsi Baginda dan untuk melaksanakan fungsi yang dinyatakan dalam Bahagian ini.

##### **Keanggotaan dan pelantikan**

**XXIV.** (1) Dewan di-Raja hendaklah terdiri daripada ahli yang berikut:

- (a) Raja Muda, Tengku Laksamana, Tengku Bendahara, Menteri Besar, Pengerusi Majlis Agama Islam dan Mufti, semuanya sebagai ahli *ex officio*;
- (b) empat Waris yang lain;
- (c) lima Orang-Orang Besar; dan
- (d) tujuh Orang Tua-Tua yang bukan ahli Dewan Undangan atau Dewan Rakyat, yang daripada mereka sekurang-kurangnya seorang hendaklah anggota Majlis Agama Islam.

(2) Ahli, kecuali ahli *ex officio*, hendaklah dilantik oleh Sultan dengan Surat Cara yang mengandungi tandatangan Baginda dan Mohor Kerajaan.

##### **Sumpah ahli**

**XXIVA.** Kecuali bagi maksud membolehkan Perkara ini dipatuhi, tiada ahli selain Raja Muda dan Mufti boleh bersidang atau mengundi dalam Dewan di-Raja sehingga beliau mengangkat

dan menandatangani sumpah yang berikut di hadapan Duli Yang Maha Mulia atau seseorang yang diberi kuasa oleh Duli Yang Maha Mulia bagi maksud itu dan di hadapan seorang Hakim Mahkamah Tinggi:

“Patik,....., ahli Dewan di-Raja Negeri Selangor bersumpah bahawa patik sentiasa sedia sepanjang masa apabila dikehendaki berbuat demikian menyampaikan fikiran dan nasihat dengan sebaik-baik pertimbangan patik kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan penjalanan fungsi Duli Yang Maha Mulia di bawah Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor; bahawa patik akan dengan setia dan dengan sedaya upaya patik menjalankan apa-apa fungsi lain yang patik dikehendaki menjalankannya sebagai ahli Dewan di-Raja di bawah Bahagian yang sama; dan bahawa patik tidak akan secara langsung atau secara tidak langsung mendedahkan apa-apa jua perkara yang disampaikan kepada patik atau dibahaskan dalam Dewan di-Raja dan yang patik dikehendaki merahsiakannya, bahkan dalam segala hal patik akan menjadi ahli Dewan di-Raja yang jujur dan ikhlas.”,

dan kepada sumpah itu hendaklah ditambahkan apa-apa perkataan yang akan, mengikut agama Islam, mengikat perasaan hati orang yang mengangkat sumpah itu.

### **Keberterusan selepas kemangkatan Sultan**

**XXV.** Dewan di-Raja hendaklah berterusan walaupun Sultan mangkat tetapi sehingga pemilihan dan pelantikan Sultan baru dan Proklamasi dibuat baginya tiada urusan boleh dijalankan selain pemilihan dan pelantikan sedemikian.

### **Tempoh jawatan ahli**

**XXVI.** (1) Tiap-tiap ahli selain ahli *ex officio* Dewan di-Raja hendaklah menduduki kerusinya dalam Dewan di-Raja selama tiga tahun bermula dari tarikh Surat Cara yang dengannya beliau dilantik atau sehingga apa-apa tarikh yang lebih awal sebagaimana yang diperuntukkan oleh Surat Cara itu melainkan jika sebelum tarikh itu kerusinya telah menjadi kosong di bawah peruntukan Bahagian ini.



(2) Kerusi seseorang ahli selain *ex officio* dalam Dewan di-Raja hendaklah menjadi kosong—

- (a) dengan kematiannya;
- (b) jika beliau dengan surat di bawah tandatangannya yang dialamatkan kepada Sultan, melalui Setiausaha Dewan di-Raja, meletakkan jawatannya dalam Dewan di-Raja;
- (c) jika beliau menjadi ahli Dewan Undangan atau Dewan Rakyat; atau
- (d) jika beliau tidak berada dalam Negeri tanpa kebenaran Setiausaha Dewan di-Raja bagi pihak Sultan selama tempoh yang melebihi satu bulan.

(3) Mana-mana orang yang mengosongkan kerusinya sebagai ahli Dewan di-Raja boleh, jika layak, dilantik semula dari semasa ke semasa.

### **Kekosongan**

**XXVII.** Bilamana terdapat kekosongan dalam bilangan orang yang menganggotai Dewan di-Raja oleh sebab berlakunya peristiwa dalam Fasal (2) Perkara XXVI, Sultan boleh melantik seseorang yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan itu.

### **Memanggil mesyuarat dan kuorum**

**XXVIII.** (1) Dewan di-Raja tidak boleh dipanggil bermesyuarat kecuali dengan titah Sultan:

Dengan syarat bahawa apabila urusan Dewan di-Raja adalah berkenaan dengan pemilihan Sultan atau pelantikan Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja di bawah Fasal (3) Perkara IX atau apa-apa perkara lain yang menyentuh diri dan tubuh badan Sultan atau apa-apa perkara lain yang dalam perbincangan mengenainya difikirkan suai manfaat Sultan tidak mengambil bahagian, Raja Muda hendaklah memanggil mesyuarat Dewan di-Raja:

Dengan syarat selanjutnya bahawa Dewan di-Raja hendaklah bermesyuarat di Klang dalam masa dua puluh empat jam dari masa kemangkatan Sultan.

(2) Dewan di-Raja tidak akan hilang kelayakan untuk menjalankan urusan oleh sebab terdapat apa-apa kekosongan di kalangan ahlinya, tetapi tiada urusan boleh dijalankan jika kurang daripada sepuluh orang ahli hadir:

Dengan syarat bahawa jika urusan di hadapan Dewan di-Raja ialah pemilihan Sultan, maka hendaklah hadir tidak kurang daripada dua pertiga jumlah kesemua ahli.

### **Sultan hendaklah menjadi pengerusi**

**XXIX.** Sultan hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Dewan di-Raja dan semasa ketiadaan Baginda, Raja Muda hendaklah mempengeruskannya dan semasa ketiadaan kedua-dua Baginda ahli hendaklah memilih salah seorang daripada kalangan mereka untuk mempengeruskannya:

Dengan syarat bahawa jika urusan Dewan di-Raja adalah berkenaan dengan pemilihan dan pelantikan Sultan atau pelantikan Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja di bawah Fasal (3) Perkara IX, atau apa-apa urusan yang menyentuh diri dan tubuh badan Sultan atau apa-apa urusan lain yang dalam perbincangannya difikirkan suai manfaat Sultan tidak mengambil bahagian, Sultan tidak boleh hadir dan menjadi pengerusi:

Dengan syarat selanjutnya bahawa Raja Muda atau mana-mana Waris yang lain tidak boleh menghadiri apa-apa mesyuarat yang menjalankan urusan pemilihan Sultan.

### **Kemangkatan Sultan atau Sultan turun Takhta**

**XXX.** (1) Tertakluk kepada peruntukan Perkara XXVIII Dewan di-Raja hendaklah dipanggil serta-merta selepas Sultan mangkat atau turun Takhta dan hendaklah menjadi kewajipan setiap ahli untuk hadir melainkan jika ketidakhadirannya itu dimaafkan oleh Dewan di-Raja atas sebab yang pada hemat Dewan di-Raja baik dan mencukupi.

(2) Pada mesyuarat sedemikian, Dewan di-Raja hendaklah mengesahkan Waris sebagai Sultan melainkan jika selepas suatu siasatan yang penuh dan lengkap Dewan di-Raja berpendapat bahawa Baginda mempunyai kecacatan yang besar dan serius yang



menjejaskan kesesuaian sebagai Sultan, iaitu apa-apa kelemahan seperti ketidaksempurnaan akal, buta, bisu atau memiliki sifat buruk yang kerananya baginda tidak dibenarkan di sisi Hukum Syarak untuk menjadi Sultan.

(3) Jika Dewan di-Raja enggan mengesahkan Waris sebagai Sultan, Dewan di-Raja hendaklah, tertakluk kepada kuasa yang sama untuk enggan sedemikian, mengesahkan Waris yang lain yang paling kanan mengikut giliran pewarisan dan seterusnya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara VII dengan sentiasa tertakluk kepada kuasa yang sama untuk enggan sedemikian, sehingga salah seorang daripada Waris yang lain itu disahkan sebagai Sultan.

### **Setiausaha**

**XXXI.** Dewan di-Raja boleh dari semasa ke semasa melantik seorang Setiausaha.

### **Pengemukakan soalan**

**XXXII.** Hanya Sultan dan Menteri Besar sahaja yang berhak mengemukakan soalan kepada Dewan di-Raja, tetapi jika Menteri Besar enggan mengemukakan apa-apa soalan apabila diminta secara bertulis oleh mana-mana ahli supaya berbuat demikian, maka ahli sedemikian berhak menuntut supaya direkodkan dalam minit mesyuarat permohonan bertulisnya berserta dengan jawapan yang diberikan oleh Menteri Besar tentang permohonannya itu.

### **Sultan boleh bertindak secara berlawanan**

**XXXIII.** Sultan boleh bertindak berlawanan dengan nasihat yang telah diberikan kepada Baginda oleh ahli Dewan di-Raja jika, dalam apa-apa hal, tindakan itu pada pendapat Baginda adalah betul, tetapi dalam mana-mana hal yang sedemikian Baginda hendaklah merekodkan dengan sepenuhnya secara bertulis dalam minit mesyuarat alasan dan sebab keputusan Baginda:

Dengan syarat bahawa sebelum Sultan boleh secara muktamad bertindak berlawanan dengan nasihat yang diberikan kepada Baginda oleh Dewan di-Raja, Baginda hendaklah meminta Dewan di-Raja menimbang semula nasihatnya berserta dengan sebab mengapa

Baginda tidak menerima nasihat itu. Jika setelah dipertimbangkan semula dan dikemukakan semula nasihat itu kepada Sultan, Baginda masih lagi memilih untuk bertindak berlawanan dengan nasihat itu, maka mana-mana ahli Dewan di-Raja berhak menghendaki supaya direkodkan dalam minit mesyuarat apa-apa nasihat atau pendapat yang mungkin telah diberikan oleh beliau tentang persoalan itu dan alasan bagi nasihat atau pendapat itu.

### **Minit**

**XXXIV.** (1) Minit bagi semua prosiding Dewan di-Raja hendaklah disimpan.

(2) Pada tiap-tiap mesyuarat Dewan di-Raja, minit bagi mesyuarat yang sebelumnya hendaklah disahkan dengan atau tanpa pindaan mengikut kehendak keadaan sebelum apa-apa urusan lain diselesaikan.

### **Bahasa rasmi**

**XXXV.** Bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa rasmi Dewan di-Raja.

### **Prosedur dan pelantikan jawatankuasa**

**XXXVI.** Dewan di-Raja boleh menentukan prosedurnya sendiri dan melantik jawatankuasanya sendiri untuk menjalankan fungsinya.

### **Pengundian**

**XXXVII.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Fasal (3), semua soalan yang dicadangkan untuk diputuskan dalam Dewan di-Raja hendaklah ditentukan oleh undi majoriti ahli yang hadir dan mengundi.

(2) Ahli yang menjadi pengerusi semasa ketidakhadiran Sultan hendaklah mempunyai undi asal dan juga undi pemutus jika, bagi apa-apa soalan, bilangan undi adalah sama banyak.



(3) Apabila pengundian adalah berkenaan dengan pemilihan seorang Sultan, keputusan Dewan di-Raja adalah tidak sah atau mengikat melainkan jika sekurang-kurangnya dua pertiga daripada ahli yang hadir dan mengundi mempersetujuinya dan tiada ahli yang hadir boleh berkecuali dalam pengundian.

(4) Dalam tiap-tiap hal, pengundian hendaklah dijalankan secara undi sulit.

### *Bab 5 – Gelaran dan Penghormatan*

#### **Sultan sumber penghormatan dan kebesaran**

**XXXVIII.** Sultan ialah sumber bagi segala penghormatan dan kebesaran dalam Negeri dan Baginda sahajalah yang boleh menganugerahkan gelaran dan kebesaran dan mewujudkan Darjah dan Pingat Penghormatan dan Kebesaran:

Dengan syarat bahawa—

- (a) sebelum Sultan menjalankan prerogatif Baginda di bawah Perkara ini, Baginda hendaklah terlebih dahulu berunding dengan Dewan di-Raja; dan
- (b) jika pewujudan mana-mana Darjah atau Pingat Penghormatan dan Kebesaran akan melibatkan perbelanjaan daripada hasil Negeri, persetujuan Dewan Undangan adalah perlu.

#### **Kuasa untuk menurunkan pangkat**

**XXXIX.** Setelah berunding dengan Dewan di-Raja Sultan boleh menurunkan pangkat mana-mana orang yang telah dianugerahi apa-apa pangkat atau gelaran atau Darjah atau Pingat Penghormatan menurut peruntukan Perkara XXXVIII.

#### **Balai dan istana Sultan**

**XL.** Jika Baginda berkenan, Sultan boleh dari semasa ke semasa membuat peraturan-peraturan bagi menetapkan balai dan istana Baginda, bagi pelantikan pegawai balai dan istana, bagi pelaksanaan dengan sepatutnya tugas mereka oleh pegawai balai

dan istana Baginda dan mereka yang bertanggungjawab bagi tugas istiadat, dan dalam berbuat demikian hendaklah mengambil kira sewajarnya adat resam Negeri, jika ada.

*Bab 6 – Consort Sultan dan Raja Muda*

**Pelantikan Tengku Ampuan**

**XLI.** (1) Tertakluk kepada Perkara XLIIIA, Sultan boleh melantik mana-mana seorang daripada Consort Baginda untuk menjadi Tengku Ampuan dan hendaklah selepas itu ditabalkan mengikut adat Istiadat Negeri:

Dengan syarat bahawa beliau hendaklah isteri Duli Yang Maha Mulia yang berkahwin dengan Baginda dengan sah mengikut agama Islam, berdarah raja, berbangsa Melayu dan menganut agama Islam:

Dengan syarat selanjutnya bahawa apabila Tengku Ampuan atau Tengku Permaisuri mangkat atau pelantikan Tengku Ampuan atau Tengku Permaisuri terhenti di bawah Fasal 1(c) atau (2) Perkara XLII, Sultan hendaklah melantik seorang Tengku Ampuan atau Tengku Permaisuri yang baru yang selepas itu hendaklah ditabalkan mengikut adat istiadat Negeri.

(2) Tengku Ampuan berhak mendapat elaun yang hendaklah ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Dewan Negeri melalui ketetapan dan hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan.

(3) Elaun yang kena dibayar di bawah Fasal (2) hendaklah terhenti—

- (a) apabila Sultan mangkat,
- (b) apabila dibuat Proklamasi bahawa Sultan telah turun Takhta secara sukarela,
- (c) apabila berlaku perceraian, atau
- (d) apabila berlaku pembatalan sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini:



Dengan syarat bahawa apabila elaun itu terhenti kerana mana-mana sebab yang dinyatakan dalam perenggan (a), (b), (c) dan (d) Fasal ini, Dewan Negeri boleh melalui undang-undang meluluskan pencen, ganjaran atau elaun ihsan.

### **Penghentian pelantikan**

**XLII.** (1) Pelantikan Tengku Ampuan hendaklah terhenti—

- (a) apabila berlaku perkahwinan semula berikutan dengan kemangkatan Sultan;
- (b) apabila dibuat Proklamasi bahawa Sultan telah turun Takhta secara sukarela;
- (c) apabila berlaku perceraian.

(2) Sultan boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan Tengku Ampuan.

### **Pemegang pertama**

**XLIII.** Consort Beta yang pada masa sekarang bergelar Tengku Ampuan hendaklah disifatkan sebagai pemegang pertama gelaran itu di bawah Bahagian ini:

Dengan syarat, bagaimanapun, tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Perkara ini boleh disifatkan membatalkan gelaran yang disandang oleh mana-mana Consort Pendulu-Pendulu Termasyhur Beta.

### **Peruntukan Tengku Permaisuri**

**XLIIIA.** (1) Sultan boleh melantik mana-mana seorang daripada Consort Baginda untuk menjadi Tengku Permaisuri:

Dengan syarat bahawa beliau hendaklah isteri Duli Yang Maha Mulia yang berkahwin dengan Baginda dengan sah mengikut agama Islam, berbangsa Melayu dan menganut agama Islam.

(2) Di mana Tengku Permaisuri telah dilantik tetapi tidak ada pelantikan Tengku Ampuan dibuat oleh Sultan, Tengku Permaisuri hendaklah berhak mendapat elaun yang hendaklah ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Dewan Negeri melalui ketetapan dan hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan.

(3) Peruntukan dalam Fasal (3) Perkara XLI dan Perkara XLII hendaklah terpakai *mutatis mutandis* pada Tengku Permaisuri.

(4) Tengku Permaisuri boleh diberikan apa-apa keistimewaan dan faedah yang pada lazimnya dinikmati oleh Tengku Ampuan.

### **Pelantikan Konsort Raja Muda**

**XLIV.** (1) Sultan boleh melantik mana-mana Konsort Raja Muda yang hendaklah berdarah raja, berbangsa Melayu dan menganut agama Islam, untuk menyandang gelaran Raja Puan Muda.

(2) Gelaran Raja Puan Muda hendaklah terhenti—

- (a) apabila berlaku perkahwinan semula berikutan dengan kemangkatan Raja Muda;
- (b) apabila Raja Muda diberhentikan daripada jawatan Raja Muda; atau
- (c) apabila berlaku perceraian.

(3) Konsort Raja Muda yang pada masa sekarang bergelar Raja Puan Muda hendaklah disifatkan sebagai pemegang pertama gelaran itu di bawah Bahagian ini.

## **BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN SELANGOR 1959**

### **JENTERA KERAJAAN**

### **Bahagian Kedua Undang-Undang**

**XLV.** Bahagian ini dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan hendaklah dinamakan Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, yang dalam bahasa Inggeris dinamakan "Laws of the Constitution of Selangor" (selepas ini disebut Bahagian ini).



**Tafsiran**

**XLVI.** Dalam Bahagian ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Badan Perundangan” ertinya pihak berkuasa yang mempunyai kuasa di bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini untuk membuat undang-undang bagi Negeri ini;

“Dewan Negeri” ertinya Dewan Undangan Negeri ini yang ditubuhkan di bawah peruntukan Bahagian ini yang hendaklah dikenali sebagai Dewan Negeri;

“Duli Yang Maha Mulia” ertinya Ketua Negeri dan termasuklah pengganti Baginda dan, jika konteksnya mengizinkan, pendulu Baginda; dan dalam hal Pemangkuan Raja termasuklah Pemangku Raja atau, jika ada Jemaah Pemangku Raja, Jemaah itu;

“jawatankuasa” ertinya suatu Jawatankuasa Dewan Negeri;

“Kumpulan Wang Disatukan” ertinya Kumpulan Wang Disatukan Negeri;

“Majlis Mesyuarat Kerajaan” ertinya Majlis Mesyuarat Kerajaan yang ditubuhkan di bawah peruntukan Bahagian ini;

“mesyuarat” ertinya apa-apa persidangan atau persidangan-persidangan suatu Dewan Negeri yang bermula apabila Dewan itu pertama kali bermesyuarat setelah dipanggil pada bila-bila masa dan berakhir apabila Dewan itu ditangguhkan sehingga suatu masa yang tidak ditetapkan atau pada penutupan sesuatu penggal tanpa penangguhan;

“Mohor Kerajaan” ertinya Mohor Rasmi Negeri Selangor yang diperuntukkan di bawah Perkara XLIX;

“Negeri” ertinya Negeri Selangor dan termasuklah semua wilayah tanggungannya, pulau dan tempat yang pada hari pertama bulan Disember 1941, telah ditadbirkan sebagai sebahagian daripadanya, dan perairan wilayah yang bersempadan dengannya tetapi tidak termasuk kawasan Wilayah Persekutuan yang ditakrifkan dalam Enakmen Wilayah Persekutuan 1973 [*En. No. 4/1973*] dan Wilayah Persekutuan Putrajaya yang ditakrifkan dalam Enakmen Wilayah Persekutuan Putrajaya 2000 [*En. No. 9/2000*];

“penggal” ertinya persidangan sesuatu Dewan Negeri yang bermula apabila Dewan pertama kali bermesyuarat selepas ditubuhkan atau selepas diprorogkan atau dibubarkan pada bila-bila masa dan berakhir apabila Dewan itu diprorogkan atau dibubarkan tanpa diprorogkan;

“Perlembagaan Persekutuan” ertinya Perlembagaan bagi Persekutuan;

“tahun kewangan” ertinya tahun yang bermula pada hari pertama bulan Januari dan berakhir pada hari yang ketiga puluh satu bulan Disember;

“warganegara” ertinya seseorang yang menjadi warganegara Persekutuan menurut kuasa Bahagian III Perlembagaan Persekutuan;

“Warta” ertinya *Warta* rasmi bagi Persekutuan.

### *Bab 1 – Agama Negeri*

#### **Agama Negeri**

**XLVII.** Agama Islam sebagaimana yang dianuti dan diamalkan dalam Negeri ini hingga kini hendaklah menjadi agama Negeri:

Dengan syarat bahawa semua agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai oleh orang yang menganutinya di mana-mana bahagian Negeri ini.

#### **Sultan sebagai Ketua agama Negeri**

**XLVIII.** (1) Duli Yang Maha Mulia hendaklah menjadi Ketua agama Negeri dan Duli Yang Maha Mulia boleh menyebabkan diperbuat undang-undang bagi maksud mengawal selia hal ehwal agama dan bagi penubuhan suatu Majlis Agama Islam yang dalam bahasa Inggeris hendaklah dikenali sebagai “Council of Religion of Islam”, untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama Negeri.



(2) Walaupun ada Pemangkuan Raja dalam Negeri oleh sebab Duli Yang Maha Mulia dipilih memegang jawatan atau sedang menjalankan fungsi Yang di-Pertuan Agong, Duli Yang Maha Mulia hendaklah terus menjalankan fungsi Baginda sebagai Ketua agama Negeri.

(3) Duli Yang Maha Mulia sebagai Ketua agama Negeri hendaklah, mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan, memberi kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk mewakili Baginda dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama Islam yang dengan persetujuan Majlis Raja-Raja meliputi Persekutuan pada keseluruhannya.

### *Bab 2 – Mohor Kerajaan*

#### **Mohor Kerajaan**

**XLIX.** (1) Duli Yang Maha Mulia hendaklah menyimpan dan menggunakan suatu Mohor Rasmi Negeri Selangor bagi memeterai semua perkara jua pun yang dikehendaki supaya dimeterai dengan Mohor tersebut.

(2) Mohor Kerajaan hendaklah mengandungi inskripsi “Mohor Kerajaan Negeri Selangor” dan perkataan, “State of Selangor Public Seal”.

### *Bab 3 – Eksekutif*

#### **Kuasa eksekutif**

**L.** Kuasa eksekutif Negeri hendaklah terletak hak pada Duli Yang Maha Mulia dan boleh dijalankan, melainkan jika diperuntukkan selainnya oleh Perlembagaan Persekutuan atau Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini, oleh Baginda atau oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan atau mana-mana ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang diberi kuasa oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan, tetapi fungsi eksekutif boleh melalui undang-undang diberikan kepada orang atau pihak berkuasa lain.

### **Pelantikan Menteri Besar**

**LI.** (1) Duli Yang Maha Mulia hendaklah melantik dengan Surat Cara di bawah tandatangan Baginda dan Mohor Kerajaan, seorang Menteri Besar, mengikut perenggan (a) Fasal (2) Perkara LIII.

(1A) Duli Yang Maha Mulia hendaklah melantik dengan Surat Cara di bawah tandatangan Baginda dan Mohor Kerajaan, seorang Timbalan Menteri Besar mengikut peruntukan perenggan (c) Fasal (2) Perkara LIII.

(2) Tertakluk kepada peruntukan Fasal (4) Perkara LIII tiada seorang pun boleh dilantik menjadi Menteri Besar melainkan jika beliau berbangsa Melayu dan menganut agama Islam.

### **Pelantikan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang dan Pegawai Kewangan**

**LII.** (1) Maka hendaklah diwujudkan jawatan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri; dan pelantikan ke jawatan itu hendaklah dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan dari kalangan anggota mana-mana perkhidmatan awam yang relevan.

(2) (a) Setiausaha Kerajaan yang hendaklah berbangsa Melayu dan menganut agama Islam, hendaklah menjadi pegawai utama yang bertanggungjawab bagi hal ehwal pentadbiran Negeri.

(b) Penasihat Undang-Undang Negeri hendaklah memberikan nasihat tentang perkara undang-undang yang dirujuk kepada Duli Yang Maha Mulia atau Kerajaan Negeri.

(c) Pegawai Kewangan Negeri hendaklah menjadi pegawai utama yang bertanggungjawab bagi hal ehwal kewangan Negeri.

(3) Tiap-tiap pegawai sedemikian hendaklah mempunyai hak untuk mengambil bahagian dalam prosiding Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Dewan Negeri dan boleh dilantik menganggotai mana-mana jawatankuasanya, tetapi tidaklah mempunyai apa-apa undi dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan atau Dewan Negeri atau mana-mana jawatankuasa sedemikian.



(4) Sebelum mana-mana pegawai sedemikian mula menghadiri mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan, beliau hendaklah mengangkat dan menandatangani, di hadapan Menteri Besar, sumpah simpan rahsia yang berikut:

#### **Sumpah Simpan Rahsia**

“Saya,....., dengan sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) bahawa saya tidak akan menyampaikan atau mendedahkan kepada mana-mana orang sama ada secara langsung atau secara tidak langsung apa-apa perkara yang dibawa untuk pertimbangan saya atau yang akan saya ketahui semasa saya menghadiri Majlis Mesyuarat Kerajaan kecuali sebagaimana yang dikehendaki untuk menunaikan kewajipan saya yang sedemikian dengan sewajarnya atau sebagaimana yang dibenarkan dengan khusus oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.”

(5) Orang yang masing-masingnya memegang jawatan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri sebelum sahaja Fasal (1) mula berkuat kuasa hendaklah terus memegang jawatan itu dengan cara yang sama seolah-olah mereka telah dilantik di bawah Fasal itu.

(6) *(Dipotong oleh En. No. 4/1993).*

#### **Majlis Mesyuarat Kerajaan**

**LIII.** (1) Duli Yang Maha Mulia hendaklah melantik suatu Majlis Mesyuarat Kerajaan yang dalam bahasa Inggeris disebut “State Executive Council”.

(2) Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah dilantik seperti yang berikut, iaitu —

(a) Duli Yang Maha Mulia hendaklah pertamanya melantik menjadi Menteri Besar, untuk mempengerusikan Majlis Mesyuarat Kerajaan, seorang ahli Dewan Negeri yang pada pendapat Baginda mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan itu;

- (b) Baginda hendaklah atas nasihat Menteri Besar melantik tidak lebih daripada sepuluh dan tidak kurang daripada empat orang ahli lain daripada kalangan ahli Dewan Negeri; dan
- (c) Baginda hendaklah, jika dinasihati sedemikian oleh Menteri Besar, melantik seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan menjadi Timbalan Menteri Besar yang hendaklah membantu Menteri Besar dalam menjalankan kuasanya, melaksanakan kewajibannya dan menunaikan fungsinya, dan atas arahan Menteri Besar, dia hendaklah menjalankan kuasa, melaksanakan kewajipan dan menunaikan fungsi Menteri Besar yang sedemikian,

tetapi jika sesuatu pelantikan dibuat semasa Dewan Negeri sudah dibubarkan, seseorang yang menjadi ahli Dewan Negeri yang terakhir itu boleh dilantik tetapi tidak boleh terus memegang jawatan selepas persidangan pertama Dewan Negeri yang berikutnya, melainkan jika beliau seorang ahli Dewan Negeri itu.

(3) Walau apa pun apa-apa jua dalam Perkara ini, seseorang yang menjadi warganegara dengan cara penaturalisasian atau dengan cara pendaftaran di bawah \*Perkara 17 Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dilantik menjadi Menteri Besar.

(4) Pada melantik seorang Menteri Besar, Duli Yang Maha Mulia boleh menurut budi bicara Baginda, mengetepikan mana-mana peruntukan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini yang menyekat Baginda dalam memilih Menteri Besar, jika pada pendapat Baginda perlu Baginda berbuat demikian bagi maksud mematuhi peruntukan Perkara ini.

(5) Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah bertanggungjawab secara kolektif kepada Dewan Negeri.

(6) Jika Menteri Besar tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Negeri, maka beliau hendaklah meletakkan jawatan Majlis Mesyuarat Kerajaan melainkan jika, atas permintaannya, Dewan Negeri dibubarkan oleh Duli Yang Maha Mulia.

---

\*CATATAN—Perkara ini telah dipotong oleh Akta Perlembagaan (Pindaan) 1962 [Akta 14/1962] mula berkuat kuasa pada 1 Julai 1963.



(7) Tertakluk kepada Fasal (6), seseorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan selain daripada Menteri Besar hendaklah memegang jawatan selama yang diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia, tetapi mana-mana ahli Majlis itu boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa.

(8) Seseorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan tidak boleh melibatkan diri dalam apa-apa tred, perniagaan atau profesion yang berkaitan dengan apa-apa perkara atau mana-mana jabatan yang baginya dia bertanggungjawab dan selagi beliau melibatkan diri dalam apa-apa tred, perniagaan atau profesion, beliau tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang berhubungan dengan tred, perniagaan atau profesion itu atau dalam apa-apa keputusan yang mungkin menyentuh kepentingan kewangannya dalam tred, perniagaan atau profesion itu.

(9) Badan Perundangan boleh melalui undang-undang membuat peruntukan bagi saraan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.

### **Sumpah jawatan**

**LIV.** Kecuali bagi maksud membolehkan Perkara ini dipatuhi tiada ahli boleh duduk atau mengundi dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan sehingga beliau mengangkat dan menandatangani di hadapan Duli Yang Maha Mulia atau seseorang yang diberi kuasa oleh Duli Yang Maha Mulia bagi maksud itu sumpah yang berikut:

“Patik....., yang telah dipilih dan diterima menjadi anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan atau State Executive Council Negeri Selangor bersumpah (atau berikrar) bahawa patik sentiasa sedia sepanjang masa apabila dikehendaki berbuat demikian menyampaikan fikiran dan nasihat dengan sebaik-baik pertimbangan patik kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan bagi pengurusan baik hal ehwal Negeri; bahawa patik tidak akan secara langsung atau secara tidak langsung mendedahkan apa-apa jua perkara yang disampaikan kepada patik atau dibahaskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan dan yang patik dikehendaki merahsiakannya, bahkan dalam segala hal patik akan menjadi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang jujur dan ikhlas.”,

dan kepada sumpah ini hendaklah ditambahkan perkataan yang menurut kepercayaan agamanya akan mengikat perasaan hati orang yang mengangkat sumpah itu.

**Setiausaha Politik**

**LIV.** (1) Menteri Besar boleh melantik mana-mana orang yang difikirkannya sesuai untuk menjadi seorang Setiausaha Politik.

(2) Seseorang yang dilantik menjadi seorang Setiausaha Politik menurut kuasa Perkara ini—

- (a) boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa;
- (b) tertakluk kepada perenggan (a) hendaklah terus memegang jawatan sehingga masa pelantikannya ditamatkan oleh Menteri Besar.

(3) Sebelum seseorang Setiausaha Politik menjalankan fungsi jawatannya beliau hendaklah mengangkat dan menandatangani di hadapan Menteri Besar sumpah simpan rahsia yang berikut:

“Saya,....., dengan sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) bahawa saya tidak akan sama ada secara langsung atau secara tidak langsung menyampaikan atau mendedahkan kepada mana-mana orang apa-apa perkara yang dibawa untuk pertimbangan saya atau yang akan saya ketahui sebagai seorang Setiausaha Politik kecuali sebagaimana yang dikehendaki untuk menunaikan kewajipan saya yang sedemikian dengan sewajarnya atau sebagaimana yang dibenarkan dengan khusus oleh Menteri Besar.”

(4) Tugas dan fungsi seseorang Setiausaha Politik dan saraannya hendaklah ditentukan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.

**Sultan hendaklah bertindak mengikut nasihat**

**LV.** (1) Pada menjalankan fungsi Baginda di bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini atau mana-mana undang-undang atau sebagai anggota Majlis Raja-Raja, Duli Yang Maha Mulia hendaklah bertindak mengikut nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan atau nasihat seseorang ahlinya yang bertindak di bawah kuasa am Majlis itu kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Perlembagaan Persekutuan atau Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini; tetapi adalah berhak atas permintaan Baginda untuk mendapat apa-apa maklumat berkenaan dengan Kerajaan Negeri yang boleh didapati oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.



(1A) Jika pada menjalankan fungsi Baginda di bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini atau mana-mana undang-undang atau sebagai anggota Majlis Raja-Raja, Duli Yang Maha Mulia dikehendaki bertindak mengikut nasihat atau atas nasihat mana-mana orang atau kumpulan orang, Duli Yang Maha Mulia hendaklah menerima dan bertindak mengikut nasihat itu.

(2) Duli Yang Maha Mulia boleh bertindak menurut budi bicara Baginda pada melaksanakan fungsi yang berikut (sebagai tambahan kepada fungsi yang pada melaksanakannya Baginda boleh bertindak menurut budi bicara Baginda di bawah Perlembagaan Persekutuan) iaitu —

- (a) pelantikan Menteri Besar;
- (b) keengganan untuk memperkenankan permintaan bagi pembubaran Dewan Negeri;
- (c) pembuatan permintaan supaya diadakan suatu mesyuarat Majlis Raja-Raja yang semata-mata berkenaan dengan keistimewaan, kedudukan, kehormatan dan kebesaran Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja atau perbuatan, amalan atau upacara agama;
- (d) apa-apa fungsi sebagai Ketua agama Islam atau yang berhubungan dengan adat Melayu;
- (e) pelantikan Waris atau Waris-Waris, Konsort, Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja;
- (f) pelantikan orang untuk menyandang pangkat, gelaran, kehormatan dan kebesaran di sisi adat Melayu dan menetapkan fungsi yang berkaitan dengannya;
- (g) pengawalseliaan balai-balai di-Raja dan istana-istana.

(3) Undang-Undang Negeri boleh membuat peruntukan bagi menghendaki Duli Yang Maha Mulia bertindak selepas berunding dengan atau atas syor mana-mana orang atau kumpulan orang selain Majlis Mesyuarat Kerajaan pada menjalankan mana-mana fungsi Baginda selain daripada —

- (a) fungsi yang boleh dijalankan menurut budi bicara Baginda;

- (b) fungsi yang berkenaan dengan perjalanannya peruntukan ada dibuat dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini atau dalam Perlembagaan Persekutuan.

(4) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menyentuh mana-mana peruntukan dalam mana-mana bahagian Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini yang menghendaki Duli Yang Maha Mulia bertindak atas nasihat atau dengan persetujuan mana-mana badan atau orang selain daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan.

### **Kuorum bagi Majlis Mesyuarat Kerajaan**

LVI. Majlis Mesyuarat Kerajaan tidak hilang kelayakan untuk menjalankan urusannya disebabkan oleh apa-apa kekosongan di kalangan ahlinya; tetapi tiada urusan kecuali urusan penangguhan boleh dijalankan jika bantahan dibuat oleh mana-mana ahli yang hadir bahawa terdapat kurang daripada empat orang ahli yang hadir selain ahli yang mempengerusikan mesyuarat.

### **Rayuan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan**

LVII. Apabila di bawah mana-mana undang-undang bertulis, suatu rayuan terhadap keputusan mana-mana orang boleh dibuat kepada Duli Yang Maha Mulia atau Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat, maka apabila rayuan itu dibuat hendaklah menjadi sah di sisi undang-undang bagi Duli Yang Maha Mulia, melainkan jika terdapat maksud yang sebaliknya dalam undang-undang bertulis itu, untuk melantik suatu jawatankuasa lima orang yang terdiri daripada tidak lebih daripada tiga orang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dengan tujuan untuk mendengar rayuan itu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia tentang keputusan yang patut dibuat berhubungan dengan rayuan itu.

### **Minit**

LVIII. Minit bagi semua prosiding Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah disimpan.



**Bahasa rasmi bagi Majlis Mesyuarat Kerajaan**

**LIX.** Bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa rasmi Majlis Mesyuarat Kerajaan:

Dengan syarat bahawa—

- (a) walau apa pun peruntukan dalam Perkara ini, bahasa Inggeris boleh digunakan selama tempoh dan bagi tujuan yang pada masa ini diperuntukkan oleh atau mengikut Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan; dan
- (b) suatu versi rasmi bahasa Inggeris hendaklah diadakan bagi apa-apa yang dikehendaki supaya dicetak atau diubah ke dalam bentuk bertulis dan boleh disiarkan dalam *Warta*.

***Bab 4 – Kuasa Pengampunan*****Kuasa pengampunan, dll.**

**LX.** (1) Duli Yang Maha Mulia boleh, tertakluk kepada Fasal (9), memberikan pengampunan, penundaan hukuman atau kelegaan hukuman berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang dilakukan dalam Negeri ini (selain apa-apa kesalahan yang telah dibicarakan oleh mahkamah tentera); dan apa-apa kuasa yang diberikan oleh undang-undang persekutuan atau Negeri untuk meremit, menggantung atau meringankan hukuman bagi mana-mana kesalahan sedemikian boleh dijalankan oleh Baginda.

(2) Jika sesuatu kesalahan dilakukan keseluruhannya atau sebahagiannya di luar Negeri ini atau dalam hal keadaan yang menimbulkan keraguan berkenaan dengan tempat kesalahan itu telah dilakukan, maka bagi maksud Perkara ini kesalahan itu hendaklah dikira sebagai telah dilakukan dalam Negeri ini jika kesalahan itu dibicarakan dalam Negeri ini.

(3) Kuasa yang tersebut dalam Perkara ini hendaklah dijalankan oleh Duli Yang Maha Mulia atas nasihat suatu Lembaga Pengampunan yang ditubuhkan bagi Negeri ini mengikut Fasal (4).

(4) Lembaga Pengampunan yang ditubuhkan bagi Negeri ini hendaklah terdiri daripada Peguam Negara Persekutuan, Menteri Besar dan tidak lebih daripada tiga orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia; tetapi Peguam Negara boleh dari semasa ke semasa melalui Surat Cara secara bertulis mewakilkan fungsinya sebagai seorang ahli Lembaga itu kepada mana-mana orang lain dan Duli Yang Maha Mulia boleh melantik mana-mana orang untuk menjalankan buat sementara waktu fungsi mana-mana anggota Lembaga yang dilantik oleh Baginda yang tidak hadir atau tidak berupaya bertindak.

(5) Anggota Lembaga Pengampunan yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia hendaklah dilantik bagi tempoh tiga tahun dan hendaklah layak untuk dilantik semula, tetapi boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan sebagai anggota Lembaga itu.

(6) Seseorang ahli Dewan Undangan sesuatu Negeri atau Dewan Rakyat tidak boleh dilantik menjadi anggota Lembaga Pengampunan atau menjalankan buat sementara waktu fungsi anggota sedemikian.

(7) Lembaga Pengampunan hendaklah bermesyuarat di hadapan Duli Yang Maha Mulia dan Baginda hendaklah mempengeruskannya.

(8) Sebelum Lembaga Pengampunan mengemukakan nasihat mereka tentang apa-apa perkara Lembaga Pengampunan itu hendaklah menimbangkan apa-apa pendapat bertulis yang telah dikemukakan oleh Peguam Negara mengenai perkara itu.

(9) Kuasa pengampunan yang boleh dijalankan oleh Duli Yang Maha Mulia di bawah Perkara ini hendaklah dijalankan—

- (a) berkenaan dengan diri Baginda atau Konsort Baginda, oleh Majlis Raja-Raja; dan
- (b) berkenaan dengan putera atau puteri Baginda, oleh Raja sesuatu Negeri yang dinamakan oleh Majlis Raja-Raja dan Raja itu hendaklah bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan yang ditubuhkan di bawah Fasal (4) Perkara ini.



**Badan Perundangan Negeri**

**LXI.** Badan Perundangan Negeri hendaklah terdiri daripada Duli Yang Maha Mulia dan satu Dewan yang dikenali sebagai Dewan Negeri (dalam bahasa Inggeris, "Legislative Assembly").

**Keanggotaan Dewan Negeri**

**LXII.** (1) \*Dewan Negeri hendaklah terdiri daripada apa-apa bilangan ahli yang dipilih yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Badan Perundangan.

(2) (*Dipotong oleh En. No. 1/1984*).

**Kelayakan ahli**

**LXIII.** Tiap-tiap warganegara yang berumur dua puluh satu tahun atau lebih yang bermastautin di Negeri ini adalah layak menjadi ahli Dewan Negeri, melainkan jika beliau hilang kelayakan untuk menjadi ahli menurut Perlembagaan Persekutuan atau Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini atau menurut mana-mana undang-undang sebagaimana yang tersebut dalam Perkara LXIV.

**Kehilangan kelayakan menjadi ahli Dewan Negeri**

**LXIV.** (1) Tertakluk kepada peruntukan Perkara ini seseorang hilang kelayakan untuk menjadi ahli Dewan Negeri jika—

- (a) dia adalah dan telah didapati atau diisytiharkan sebagai seorang yang tidak sempurna akal;
- (b) dia seorang bankrap yang belum dilepaskan;
- (c) dia memegang sesuatu jawatan berpendapatan;

---

\*CATATAN—Sila rujuk Enakmen Bilangan Ahli-Ahli Yang Dipilih bagi Dewan Undangan Negeri Selangor 1973 [*En. No. 8/1973*].

- (d) setelah dicalonkan untuk pemilihan bagi salah satu Majlis Parlimen atau bagi Dewan Undangan atau setelah bertindak sebagai ejen pilihan raya bagi seseorang yang dicalonkan sedemikian, dia tidak menyerahkan apa-apa penyata perbelanjaan pilihan raya yang dikehendaki oleh undang-undang dalam masa dan mengikut cara yang dikehendaki sedemikian;
- (e) dia telah disabitkan atas suatu kesalahan oleh sesuatu mahkamah dalam Persekutuan dan dijatuhi hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan dia belum mendapat pengampunan penuh;
- (f) dia hilang kelayakan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan kesalahan yang berkaitan dengan pemilihan bagi salah satu Majlis Parlimen atau bagi Dewan Undangan oleh sebab dia telah disabitkan atas suatu kesalahan sedemikian atau telah dibuktikan dalam prosiding yang berhubungan dengan pemilihan sedemikian bersalah atas perbuatan yang menjadi kesalahan itu; atau
- (g) dia telah dengan sukarela memperoleh kewarganegaraan suatu negara asing atau menggunakan hak kewarganegaraan di suatu negara asing atau telah membuat suatu akuan taat setia kepada suatu negara asing.

(2) Kehilangan kelayakan seseorang di bawah perenggan (d) atau perenggan (e) Fasal (1) boleh dibatalkan oleh Duli Yang Maha Mulia dan, jika tidak dibatalkan sedemikian, hendaklah terhenti pada akhir tempoh lima tahun yang bermula dari tarikh penyata yang tersebut dalam perenggan (d) dikehendaki diserahkan atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, dari tarikh orang yang disabitkan sebagaimana yang tersebut dalam perenggan (e) dilepaskan daripada jagaan atau dari tarikh denda yang tersebut dalam perenggan (e) dikenakan dan seseorang tidak boleh dihilangkan kelayakannya di bawah perenggan (g) Fasal (1) semata-mata oleh sebab apa-apa jua yang dilakukan olehnya sebelum dia menjadi seorang warganegara.

(3) Walau apapun apa-apa jua yang terkandung dalam peruntukan yang terdahulu dalam Perkara ini, jika seseorang ahli Dewan Negeri menjadi hilang kelayakan untuk terus menjadi ahli



Dewan itu menurut perenggan (e) Fasal (1) atau di bawah suatu undang-undang seperti yang disebut dalam perenggan (f) Fasal (1) maka—

- (a) kehilangan kelayakan itu hendaklah mula berkuat kuasa apabila habis tempoh empat belas hari dari tarikh dia—
  - (i) disabitkan dan dihukum sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (e) yang disebut terdahulu; atau
  - (ii) disabitkan atas suatu kesalahan atau dibuktikan bersalah atas suatu perbuatan di bawah suatu undang-undang seperti yang disebut dalam perenggan (f) yang disebut terdahulu; atau
- (b) jika dalam tempoh empat belas hari yang dinyatakan dalam perenggan (a) suatu rayuan atau apa-apa prosiding mahkamah yang lain dibawa berkenaan dengan sabitan atau hukuman itu, atau berkenaan dengan pensabitan atau pembuktian bersalah sedemikian, mengikut mana-mana yang berkenaan, maka kehilangan kelayakan itu hendaklah mula berkuat kuasa apabila habis tempoh empat belas hari dari tarikh rayuan itu atau prosiding mahkamah yang lain itu dibereskan oleh mahkamah; atau
- (c) jika dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (a) atau tempoh selepas pemberesan rayuan atau prosiding mahkamah yang lain yang dinyatakan dalam perenggan (b) itu ada difailkan suatu petisyen bagi pengampunan, maka kehilangan kelayakan itu hendaklah mula berkuat kuasa sebaik sahaja petisyen itu dibereskan.

(4) Fasal (3) tidaklah terpakai bagi maksud pencalonan atau pemilihan mana-mana orang ke Dewan Negeri dan bagi maksud itu kehilangan kelayakan itu hendaklah mula berkuat kuasa sebaik sahaja berlaku kejadian yang disebut dalam perenggan (e) atau (f), mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam Fasal (1).

(5) Seseorang yang melepaskan keahliannya dalam Dewan Undangan bagi Negeri ini atau mana-mana Negeri lain hendaklah, selama tempoh lima tahun bermula dari tarikh pelepasan keahliannya mula berkuat kuasa, hilang kelayakan untuk menjadi ahli Dewan Undangan bagi Negeri ini.

**Peruntukan melarang dua keanggotaan**

LXV. Seseorang tidak boleh pada masa yang sama menjadi ahli Dewan Negeri bagi lebih daripada satu kawasan pilihan raya.

**Kesan kematian, kehilangan kelayakan dan larangan pencalonan tanpa persetujuan**

LXVI. (1) Jika seseorang ahli Dewan Negeri meninggal dunia atau hilang kelayakan untuk menjadi ahli Dewan itu maka kerusinya hendaklah menjadi kosong.

(2) Jika seseorang yang hilang kelayakan untuk menjadi ahli Dewan Negeri dipilih menjadi ahli Dewan itu, atau jika sesuatu pemilihan adalah bertentangan dengan Perkara LXV, pemilihan itu adalah terbatal.

(3) Seseorang tidak boleh dinamakan dengan sah bagi pemilihan untuk menjadi ahli Dewan Negeri tanpa persetujuannya.

**Keputusan tentang kehilangan kelayakan**

LXVII. (1) Jika berbangkit apa-apa soal sama ada seseorang ahli Dewan Negeri telah menjadi hilang kelayakan untuk menjadi ahli, maka Dewan hendaklah mengambil keputusan mengenainya dan keputusan itu adalah muktamad:

Dengan syarat bahawa Perkara ini tidak boleh dianggap menghalang amalan Dewan itu menangguhkan sesuatu keputusan bagi membolehkan diambil atau ditentukan apa-apa prosiding yang mungkin menyentuh keputusannya (termasuk prosiding bagi membatalkan kehilangan kelayakan itu).

(2) Jika seseorang ahli Dewan Negeri menjadi hilang kelayakan di bawah perenggan (e) Fasal (1) Perkara LXIV atau di bawah undang-undang yang disebut dalam perenggan (f) Fasal (1) Perkara LXIV, maka Fasal (1) yang tersebut di atas tidaklah terpakai, dan dia hendaklah terhenti menjadi ahli Dewan Negeri, dan kerusinya hendaklah menjadi kosong, apabila sahaja kehilangan kelayakannya mula berkuat kuasa mengikut Fasal (3) Perkara LXIV.



**Pelepasan keahlian**

**LXVIII.** Seseorang ahli Dewan Negeri boleh melepaskan keahliannya melalui surat di bawah tandatangannya, yang ditujukan kepada Speaker.

**Ketidakhadiran seseorang ahli**

**LXIX.** Jika seseorang ahli Dewan Negeri tidak hadir tanpa kebenaran Speaker pada tiap-tiap persidangan Dewan selama tempoh enam bulan, kerusinya hendaklah diisytiharkan kosong oleh Speaker.

**Memanggil, memprorog dan membubarkan Dewan Negeri**

**LXX.** (1) Duli Yang Maha Mulia hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta* memanggil Dewan Negeri bermesyuarat dan tidak boleh membiarkan luput enam bulan antara persidangan terakhir dalam satu penggal dengan tarikh yang ditetapkan bagi persidangan pertamanya dalam penggal yang berikutnya.

(2) Duli Yang Maha Mulia boleh memprorog atau membubarkan Dewan Negeri.

(3) Melainkan jika dibubarkan terlebih dahulu, Dewan Negeri hendaklah terus berjalan selama lima tahun dari tarikh persidangan pertamanya dan selepas itu hendaklah terubur.

(4) Bilamana Dewan Negeri menjadi bubar suatu pilihan raya umum hendaklah diadakan dalam masa enam puluh hari dari tarikh ia menjadi bubar itu dan Dewan Negeri yang baru hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada sembilan puluh hari dari tarikh itu.

(5) Sesuatu kekosongan luar jangka hendaklah diisi dalam masa enam puluh hari dari tarikh kekosongan itu berlaku:

Dengan syarat bahawa jika sesuatu kekosongan luar jangka dipastikan pada suatu tarikh dalam masa dua tahun dari tarikh Dewan Negeri itu akan terubur mengikut Fasal (3), maka

kekosongan luar jangka itu tidak boleh diisi melainkan jika Speaker memberitahu Suruhanjaya Pilihan Raya secara bertulis bahawa kekuatan bilangan parti yang membentuk majoriti semua ahli Dewan Negeri adalah terjejas oleh kekosongan itu, dan dalam keadaan sedemikian kekosongan ini hendaklah diisi dalam masa enam puluh hari dari tarikh pemberitahuan itu diterima.

### **Speaker Dewan Negeri**

**LXXI.** (1) Dewan Negeri hendaklah dari semasa ke semasa memilih menjadi Speaker orang yang ditentukan oleh Dewan itu dan tidak boleh menjalankan apa-apa urusan semasa jawatan Speaker kosong selain pemilihan Speaker.

(1A) Seseorang tidak boleh dipilih menjadi Speaker melainkan jika beliau ialah ahli atau adalah layak menjadi ahli Dewan Negeri.

(1B) Mana-mana orang yang dipilih menjadi Speaker yang bukan ahli Dewan Negeri—

- (a) hendaklah, sebelum menjalankan kewajipan jawatannya, mengangkat dan menandatangani di hadapan Dewan itu suatu sumpah jawatan; dan
- (b) hendaklah, oleh sebab pemegangan jawatannya, menjadi ahli Dewan itu sebagai tambahan kepada ahli yang dipilih ke Dewan itu:

Dengan syarat bahawa perenggan (b) tidak mempunyai kuat kuasa bagi maksud peruntukan Perkara LIII dan tiada seorang pun berhak menurut kuasa perenggan itu mengundi tentang apa-apa perkara di hadapan Dewan itu.

(2) Speaker boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dan hendaklah mengosongkan jawatannya—

- (a) apabila Dewan Negeri bermesyuarat buat pertama kali selepas pilihan raya umum;
- (b) apabila beliau terhenti menjadi ahli Dewan itu selain daripada disebabkan oleh pembubarannya atau, jika beliau seorang ahli semata-mata menurut kuasa perenggan (b) Fasal (1B), apabila beliau tidak lagi layak menjadi ahli;



(c) apabila hilang kelayakan di bawah Fasal (3A); atau

(d) jika Dewan itu membuat ketetapan sedemikian.

(2A) Dewan Negeri boleh dari semasa ke semasa memilih seorang daripada ahlinya untuk menjadi Timbalan Speaker.

(2B) Seseorang Timbalan Speaker boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dan hendaklah mengosongkan jawatannya—

(a) apabila beliau tidak lagi menjadi ahli Dewan Negeri; atau

(b) jika Dewan menetapkan sedemikian.

(3) Dalam masa Speaker tidak hadir pada sesuatu persidangan Dewan Negeri Timbalan Speaker atau, jika Timbalan Speaker tidak hadir atau jika jawatan Timbalan Speaker kosong, seorang ahli lain sebagaimana yang ditentukan oleh kaedah prosedur Dewan Negeri hendaklah menjalankan tugas sebagai Speaker.

(3A) Seseorang ahli yang dipilih menjadi Speaker hendaklah hilang kelayakan untuk memegang jawatan itu jika selepas tiga bulan beliau dipilih memegang jawatan itu atau pada bila-bila masa selepas itu beliau adalah atau menjadi seorang anggota mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau seorang pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal ehwal atau urusan, mana-mana organisasi atau badan, sama ada diperbadankan atau selainnya, atau mana-mana pengusahaan komersial, perindustrian atau yang lain, sama ada atau tidak beliau menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya:

Dengan syarat bahawa kehilangan kelayakan itu tidaklah terpakai jika organisasi atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya, atau apa-apa kerja atau tujuan lain yang bersifat khairat atau sosial, dan ahli itu tidak menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya.

(3B) Jika berbangkit apa-apa soal mengenai kehilangan kelayakan Speaker di bawah Fasal (3A), Dewan Negeri hendaklah membuat keputusan mengenainya dan keputusan itu adalah muktamad.

(4) Badan Perundangan hendaklah melalui undang-undang membuat peruntukan bagi saraan Speaker dan Timbalan Speaker dan saraan yang diperuntukkan itu hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan.

### **Sumpah oleh ahli**

**LXXII.** (1) Tiap-tiap ahli Dewan Negeri hendaklah, sebelum mengambil tempatnya, mengangkat dan menandatangani di hadapan orang yang mempengerusikan Dewan itu Sumpah yang berikut:

“Saya,....., setelah dipilih menjadi seorang ahli Dewan Negeri bagi Negeri Selangor dengan sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) bahawa saya akan menunaikan kewajipan saya sebagai ahli Dewan Negeri dengan jujur dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Negeri Selangor, dan bahawa saya akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor.”,

dan kepada sumpah ini hendaklah ditambahkan perkataan yang akan, mengikut kepercayaan agamanya, mengikat perasaan hati orang yang mengangkat sumpah itu.

(2) Seseorang ahli boleh, sebelum mengangkat sumpah itu, mengambil bahagian dalam pemilihan Speaker.

(3) Jika seseorang ahli tidak mengambil tempatnya dalam masa enam bulan dari tarikh Dewan Negeri bersidang bagi pertama kali selepas pemilihannya sebagai ahli atau dalam masa yang lebih lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Dewan itu, kerusinya hendaklah menjadi kosong.

### **Titah oleh Duli Yang Maha Mulia**

**LXXIII.** Duli Yang Maha Mulia boleh bertitah kepada Dewan Negeri dan boleh menghantar apa-apa perutusan kepada Dewan itu.



**Saraan ahli**

**LXXIV.** Badan Perundangan hendaklah melalui undang-undang membuat peruntukan bagi saraan ahli Dewan Negeri.

**Prosedur Dewan Negeri**

**LXXV.** (1) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini, Dewan Negeri hendaklah mengawal selia prosedurnya sendiri dan boleh dari semasa ke semasa membuat, meminda dan membatalkan Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi pengawalseliaan dan penjalanan teratur prosiding dan penjalanan urusannya sendiri.

(2) Dewan Negeri boleh bertindak walaupun terdapat kekosongan dalam keahliannya, dan kehadiran atau penyertaan mana-mana orang yang tidak berhak berbuat demikian tidaklah menidaksahkan apa-apa prosiding.

(3) Tertakluk kepada Fasal (4) dan Perkara XCVIII Dewan hendaklah, jika tidak sebulat suara, membuat keputusan mengikut lebih suara ahli yang mengundi; dan orang yang mempengerusikan Dewan hendaklah mengundi bilamana perlu untuk mengelakkan undi sama banyak, tetapi tidaklah boleh mengundi dalam mana-mana keadaan lain.

(4) Dalam mengawal selia prosedurnya Dewan boleh memperuntukkan, berkenaan dengan apa-apa keputusan yang berhubungan dengan prosidingnya, bahawa keputusan itu tidak boleh dibuat kecuali mengikut lebih suara yang ditentukan atau mengikut bilangan undi yang ditentukan.

(5) Ahli yang tidak hadir dalam Dewan tidak boleh dibenarkan mengundi.

**Kuorum**

**LXXVI.** Tiada urusan kecuali yang berkenaan dengan penangguhan boleh dijalankan oleh Dewan Negeri jika bantahan dibuat oleh mana-mana ahli yang hadir bahawa yang hadir selain daripada Speaker atau ahli lain yang mempengerusikan Dewan kurang daripada satu pertiga bilangan ahli.

### **Keistimewaan Dewan Negeri**

**LXXVII.** Dewan Negeri hendaklah mempunyai keistimewaan dan kuasa yang dinyatakan dalam Jadual kepada Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini.

### **Penjalanan kuasa perundangan**

**LXXVIII.** (1) Kuasa Badan Perundangan untuk membuat undang-undang hendaklah dijalankan melalui Rang Undang-Undang yang diluluskan oleh Dewan Negeri dan diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia.

(2) Tiada Rang Undang-Undang atau pindaan yang melibatkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang Disatukan boleh dibawa atau diusulkan dalam Dewan Negeri kecuali oleh seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(2A) Duli Yang Maha Mulia hendaklah dalam masa tiga puluh hari selepas sesuatu Rang Undang-Undang dikemukakan kepada Baginda memperkenankan Rang Undang-Undang itu.

(2B) Jika sesuatu Rang Undang-Undang tidak diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia dalam masa yang dinyatakan dalam Fasal (2A), ia hendaklah menjadi undang-undang apabila habis tempoh yang dinyatakan dalam Fasal itu mengikut cara yang sama seolah-olah Baginda telah memperkenankannya.

(3) Sesuatu Rang Undang-Undang hendaklah menjadi undang-undang apabila diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia, atau sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal (2B), tetapi tiada undang-undang boleh berkuat kuasa sehingga undang-undang itu disiarkan, tetapi, bagaimanapun, tanpa menjejaskan kuasa Badan Perundangan untuk menanggungkan kuat kuasa mana-mana undang-undang atau untuk membuat undang-undang dengan kuat kuasa kebelakangan.

(4) Duli Yang Maha Mulia hendaklah menandakan perkenan Baginda dengan menyebabkan supaya Mohor Kerajaan dicapkan pada Rang Undang-Undang itu dan dengan menandatangani Rang Undang-Undang itu.



### Penyiaran Rang Undang-Undang

**LXXIX.** Tiap-tiap Rang Undang-Undang selain Rang Undang-Undang Persendirian hendaklah, kecuali dalam keadaan kedesakan yang hendaklah diperakui secara bertulis oleh Speaker, disiarkan untuk pengetahuan umum dalam *Warta* sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum Rang Undang-Undang itu dibentangkan dalam Dewan Negeri.

### Rang Undang-Undang Persendirian

**LXXX.** Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam undang-undang itu, sesuatu undang-undang yang dibuat di bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini, yang bukan suatu langkah kerajaan, yang bertujuan menyentuh atau memberikan faedah kepada orang, persatuan atau pertubuhan perbadanan tertentu, tidak boleh menyentuh hak mana-mana badan politik atau pertubuhan perbadanan atau mana-mana orang lain.

### Perkataan memperbuat undang-undang

**LXXXI.** Semua undang-undang yang diluluskan oleh Badan Perundangan hendaklah dinamakan "Enakmen" dan perkataan memperbuat undang-undang hendaklah "diperbuat oleh Badan Perundangan Negeri Selangor".

### Bahasa

**LXXXII.** Tertakluk kepada peruntukan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa rasmi Dewan Negeri:

Dengan syarat bahawa selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen:

(a) teks sahih—

- (i) bagi semua Rang Undang-Undang yang dibentangkan atau pindaan kepadanya yang akan diusulkan dalam Dewan Negeri; dan

- (ii) bagi semua Enakmen dan perundangan subsidiari yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri,

hendaklah dalam bahasa Inggeris; dan

- (b) suatu versi rasmi dalam bahasa Inggeris hendaklah diadakan bagi apa-apa jua yang dikehendaki supaya dicetak atau diubah ke dalam bentuk bertulis dan versi sedemikian boleh disiarkan dalam *Warta*.

### **Minit**

**LXXXIII.** Minit bagi semua prosiding Dewan Negeri hendaklah disimpan.

### *Bab 6 – Kewangan*

#### **Tiada pencukaian melainkan jika dibenarkan oleh undang-undang**

**LXXXIV.** Tiada cukai atau kadar boleh dilevikan oleh atau bagi maksud Negeri kecuali melalui atau di bawah kuasa undang-undang.

#### **Perbelanjaan yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan**

**LXXXV.** (1) Maka hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan Negeri sebagai tambahan kepada apa-apa pemberian, saraan atau wang lain yang dipertanggungkan sedemikian melalui mana-mana peruntukan lain dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini atau melalui undang-undang Negeri —

- (a) Peruntukan Diraja bagi Duli Yang Maha Mulia dan saraan bagi Speaker Dewan Negeri;
- (b) caj hutang yang baginya Negeri bertanggung; dan
- (c) apa-apa wang yang dikehendaki untuk menjelaskan apa-apa penghakiman, keputusan atau award terhadap Negeri oleh mana-mana mahkamah atau tribunal.



(2) Bagi maksud peruntukan ini caj hutang termasuklah bunga, caj kumpulan wang penjelas hutang, pembayaran balik atau pelunasan hutang dan segala perbelanjaan berkaitan dengan pemerdapatan pinjaman yang bercagarkan Kumpulan Wang Disatukan dan penyenggaraan dan penebusan hutang yang wujud dengan cara yang sedemikian.

### **Penyata kewangan tahunan**

**LXXXVI.** (1) Tertakluk kepada Fasal (3) Duli Yang Maha Mulia hendaklah berkenaan dengan tiap-tiap tahun kewangan menyebabkan supaya dibentangkan dalam Dewan Negeri suatu penyata anggaran wang masuk dan perbelanjaan bagi Negeri tahun itu dan, melainkan jika diperuntukkan selainnya oleh Badan Perundangan Negeri berkenaan dengan mana-mana tahun, penyata itu hendaklah dibentangkan sedemikian sebelum permulaan tahun itu.

(2) Anggaran perbelanjaan itu hendaklah menunjukkan secara berasingan—

- (a) semua jumlah wang yang diperlukan untuk membayar perbelanjaan yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan; dan
- (b) tertakluk kepada Fasal (3), jumlah wang yang masing-masingnya dikehendaki untuk membayar kepala perbelanjaan lain yang dicadangkan untuk dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan.

(3) Anggaran wang masuk yang hendaklah ditunjukkan dalam penyata tersebut tidaklah termasuk apa-apa jumlah wang yang diterima melalui Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil yang seumpamanya di sisi agama Islam; dan jumlah wang yang hendaklah ditunjukkan di bawah perenggan (b) Fasal (2) tidaklah termasuk—

- (a) jumlah wang yang merupakan hasil daripada apa-apa pinjaman yang diperdapatkan oleh Negeri bagi maksud tertentu dan yang diuntukkan bagi maksud itu melalui undang-undang yang membenarkan pinjaman itu diperdapatkan;

- (b) jumlah wang yang merupakan apa-apa wang atau bunga atas wang yang diterima oleh Negeri yang tertakluk kepada suatu amanah dan yang hendaklah digunakan mengikut terma amanah itu;
- (c) jumlah wang yang merupakan apa-apa wang yang dipegang oleh Negeri yang telah diterima atau diuntukkan bagi maksud apa-apa kumpulan wang amanah yang ditubuhkan melalui atau mengikut undang-undang Negeri.

(4) Penyata tersebut hendaklah juga menunjukkan, setakat yang praktik, aset dan liabiliti Negeri pada akhir tahun kewangan yang baru genap, cara aset itu dilaburkan atau dipegang dan kepala am yang berkenaan dengannya liabiliti itu masih belum selesai.

#### **Rang Undang-Undang Perbekalan**

**LXXXVII.** Kepala perbelanjaan yang hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri tetapi tidak dipertanggungjawabkan padanya, selain daripada jumlah wang yang tersebut dalam perenggan (a) dan (b) Fasal (3) Perkara LXXXVI, hendaklah dimasukkan dalam suatu Rang Undang-Undang, yang hendaklah dinamakan Rang Undang-Undang Perbekalan, yang membuat peruntukan bagi pengeluaran jumlah wang yang perlu daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membayar perbelanjaan itu dan penguntungan jumlah wang itu bagi maksud yang dinyatakan dalamnya.

#### **Perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebih**

**LXXXVIII.** Jika berkenaan dengan mana-mana tahun kewangan didapati—

- (a) bahawa amaun yang diuntukkan melalui Enakmen Perbekalan bagi maksud itu tidak mencukupi, atau bahawa telah timbul keperluan perbelanjaan bagi suatu maksud yang baginya tidak ada amaun telah diuntukkan melalui Enakmen Perbekalan; atau



- (b) bahawa apa-apa wang telah dibelanjakan bagi apa-apa maksud melebihi amaun yang diuntukkan (jika ada) bagi maksud itu melalui Enakmen Perbekalan,

maka suatu anggaran tambahan yang menunjukkan jumlah wang yang diperlukan atau dibelanjakan itu hendaklah dibentangkan dalam Dewan Negeri dan kepala apa-apa perbelanjaan itu hendaklah dimasukkan dalam suatu Rang Undang-Undang Perbekalan.

### **Pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan**

**LXXXIX.** (1) Tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam Perkara ini, tiada wang boleh dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan melainkan jika wang itu—

- (a) dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan; atau  
(b) dibenarkan dikeluarkan melalui suatu Enakmen Perbekalan.

(2) Tiada wang boleh dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan kecuali mengikut cara yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan.

(3) Fasal (1) tidaklah terpakai bagi apa-apa jumlah wang yang tersebut dalam perenggan (a), (b) dan (c) Fasal (3) Perkara LXXXVI.

(4) Sebelum meluluskan Enakmen Perbekalan, Badan Perundangan boleh, berkenaan dengan mana-mana tahun kewangan, membenarkan perbelanjaan bagi sebahagian daripada tahun kewangan itu dan juga pengeluaran daripada Kumpulan Wang Disatukan apa-apa wang yang dikehendaki untuk membayar perbelanjaan itu.

### *Bab 7 – Keupayaan Negeri*

#### **Keupayaan Negeri berkenaan dengan harta, kontrak dan guaman**

**XC.** (1) Negeri mempunyai kuasa untuk memperoleh, memegang atau melupuskan apa-apa jenis harta dan untuk membuat kontrak.

- (2) Negeri boleh membawa guaman dan dibawa guaman.

*Bab 8 – Kedudukan Istimewa Berhubungan  
dengan Orang Melayu*

**Perizaban kuota berkenaan dengan perkhidmatan, permit,  
dsb. bagi orang Melayu**

**XCI.** (1) Adalah menjadi tanggungjawab Duli Yang Maha Mulia untuk memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain mengikut peruntukan Perkara ini.

(2) Duli Yang Maha Mulia hendaklah, tertakluk kepada peruntukan Perkara LV Bahagian ini, menjalankan fungsi Baginda di bawah Bahagian ini dan undang-undang Negeri mengikut cara yang perlu untuk memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan untuk memastikan dirizabkan bagi orang Melayu mengikut kadar yang difikirkan munasabah oleh Baginda jawatan dalam perkhidmatan awam Negeri dan biasiswa, danasiswa dan keistimewaan pendidikan atau latihan yang seumpamanya yang lain atau kemudahan khas lain yang diberikan atau diadakan oleh Kerajaan Negeri dan jika undang-undang Negeri menghendaki permit atau lesen bagi pengendalian apa-apa tred atau perniagaan, maka tertakluk kepada peruntukan undang-undang itu dan Perkara ini, permit dan lesen sedemikian.

(3) Untuk memastikan, mengikut Fasal (2) Perkara ini, perizaban bagi orang Melayu jawatan dalam perkhidmatan awam dan biasiswa, danasiswa dan keistimewaan pendidikan atau latihan lain atau kemudahan khas lain, Duli Yang Maha Mulia boleh memberikan apa-apa arahan am yang dikehendaki bagi maksud itu kepada mana-mana Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang bidang kuasanya meliputi orang dalam perkhidmatan awam Negeri atau kepada mana-mana pihak berkuasa yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pemberian biasiswa, danasiswa atau keistimewaan pendidikan atau latihan lain atau kemudahan khas lain itu dan Suruhanjaya atau pihak berkuasa itu hendaklah mematuhi arahan itu dengan sewajarnya.

(4) Pada menjalankan fungsi Baginda di bawah Bahagian ini dan di bawah undang-undang Negeri mengikut Fasal (1), (2) dan (3) Perkara ini, Duli Yang Maha Mulia tidak boleh melucutkan mana-mana jawatan awam yang dipegang oleh mana-mana orang atau menghentikan keberterusan apa-apa biasiswa, danasiswa, atau keistimewaan pendidikan atau latihan lain atau kemudahan khas lain yang dinikmati oleh orang itu.



(5) Perkara ini tidaklah mengurangkan kuasa peruntukan Perkara XCII Bahagian ini.

(6) Jika sesuatu permit atau lesen untuk menjalankan apa-apa tred atau perniagaan adalah dikehendaki oleh undang-undang Negeri yang sedia ada, maka Duli Yang Maha Mulia boleh menjalankan fungsi Baginda di bawah undang-undang itu mengikut cara, atau memberikan apa-apa arahan am kepada mana-mana pihak berkuasa yang dipertanggungjawabkan di bawah undang-undang itu dengan kuasa bagi pemberian permit atau lesen itu, sebagaimana yang dikehendaki untuk memastikan perizaban lesen atau permit itu untuk orang Melayu mengikut kadar yang difikirkan munasabah oleh Duli Yang Maha Mulia; dan pihak berkuasa itu hendaklah mematuhi arahan itu dengan sewajarnya.

(7) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh berkuat kuasa untuk melucutkan atau memberi kuasa bagi pelucutan apa-apa hak, keistimewaan, permit atau lesen mana-mana orang yang terakru padanya, atau dinikmati atau dipegang olehnya atau untuk memberi kuasa untuk enggan membaharui mana-mana permit atau lesen sedemikian untuk mana-mana orang atau untuk enggan memberikan apa-apa permit atau lesen kepada waris, pengganti atau penerima serah hak seseorang jika pembaharuan atau pemberian itu adalah pada lazimnya boleh semunasabahnya dijangkakan.

(8) Walau apa pun apa-apa jua dalam Bahagian ini, jika menurut mana-mana undang-undang Negeri lesen atau permit dikehendaki untuk menjalankan apa-apa tred atau perniagaan maka peruntukan boleh dibuat oleh undang-undang itu bagi perizaban sebahagian daripada permit atau lesen itu bagi orang Melayu; tetapi tiada undang-undang sedemikian boleh, bagi maksud memastikan perizaban itu—

- (a) melucutkan atau memberi kuasa untuk dilucutkan apa-apa hak, keistimewaan, permit atau lesen mana-mana orang yang terakru pada orang itu atau yang dinikmati atau dipegang oleh orang itu;
- (b) memberi kuasa untuk enggan membaharui untuk mana-mana orang apa-apa permit atau lesen atau untuk enggan memberikan apa-apa permit atau lesen kepada waris, pengganti atau penerima serah hak mana-mana orang jika mengikut peruntukan lain dalam undang-undang itu pembaharuan atau pemberian itu boleh semunasabahnya dijangkakan pada lazimnya ataupun menghalang mana-

mana orang daripada memindahmilikan bersama dengan perniagaannya apa-apa lesen yang boleh dipindahmilikan bagi menjalankan perniagaan itu; atau

- (c) jika dahulunya tiada dikehendaki apa-apa permit atau lesen bagi menjalankan tred atau perniagaan, memberi kuasa untuk enggan memberikan sesuatu permit atau lesen kepada mana-mana orang bagi menjalankan apa-apa tred atau perniagaan yang telah dijalankan olehnya secara *bona fide* sebelum sahaja undang-undang itu mula berkuat kuasa, atau memberi kuasa untuk kemudiannya enggan membaharui apa-apa permit atau lesen untuk mana-mana orang sedemikian, atau memberi kuasa untuk enggan memberikan permit atau lesen sedemikian kepada waris, pengganti atau penerima serah hak mana-mana orang itu jika mengikut peruntukan lain dalam undang-undang itu pembaharuan atau pemberian itu boleh semunasabahnya dijangkakan pada lazimnya.

(9) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini memberikan kuasa kepada Badan Perundangan untuk menyekat perniagaan atau tred semata-mata bagi maksud perizaban untuk orang-orang Melayu.

### *Bab 9 – Peruntukan Am*

#### **Layanan saksama bagi pekerja Negeri**

**XCII.** Semua orang, walau apa pun rasnya, dalam tingkat yang sama dalam perkhidmatan Negeri hendaklah, tertakluk kepada terma dan syarat pekerjaan mereka, diberi layanan yang saksama.

#### **Cogan kata, bendera dan lambang Negeri**

**XCIII.** Cogan kata Negeri iaitu “Dipelihara Allah” yang disebut “*By God’s Protection*” dalam bahasa Inggeris dan lambang atau jata Negeri dan Lencana Diraja, Bendera Peribadi Sultan dan Bendera Negeri hendaklah terus digunakan sebagaimana yang telah digunakan sehingga kini.



**Tafsiran**

**XCIV.** (1) Tertakluk kepada peruntukan Perkara IV dan Perkara XLVI Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini, Fasal (2), (3) dan (4) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan hendaklah terpakai bagi pentafsiran Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini sebagaimana ia terpakai bagi pentafsiran Perlembagaan Persekutuan.

(2) Kecuali jika tafsiran bagi apa-apa perkataan atau ungkapan diperuntukkan dengan nyata oleh Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini atau jika konteksnya menghendaki makna yang lain, \*Ordinan Tafsiran dan Fasal-Fasal Am 1948 [*M.U. 7 tahun 1948*], hendaklah terpakai bagi pentafsiran Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini sebagaimana ia terpakai bagi pentafsiran mana-mana undang-undang bertulis.

**Pentafsiran Undang-Undang Tubuh Kerajaan oleh Mahkamah Persekutuan**

**XCV.** (1) Tanpa menjejaskan mana-mana bidang kuasa rayuan atau penyemakan Mahkamah Persekutuan, jika dalam mana-mana prosiding di hadapan mana-mana mahkamah timbul persoalan tentang kesan mana-mana peruntukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini, Mahkamah Persekutuan boleh, atas permohonan mana-mana pihak kepada prosiding itu, menentukan persoalan itu dan sama ada membereskan kes itu atau menghantar kes itu balik kepada mahkamah yang satu lagi itu untuk dibereskan mengikut penentuan itu.

(2) Duli Yang Maha Mulia boleh merujuk kepada Mahkamah Persekutuan bagi mendapatkan pendapatnya apa-apa persoalan tentang mana-mana peruntukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini yang telah berbangkit atau yang pada hemat Baginda mungkin berbangkit, dan Mahkamah Persekutuan hendaklah mengumumkan dalam mahkamah terbuka pendapatnya mengenai apa-apa persoalan yang dirujuk kepadanya sedemikian.

\*CATATAN—Ordinan ini telah disatukan dan disemak menjadi Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*] mula berkuat kuasa pada 19 Oktober 1989.

*Prerogatif Di-raja*

**Prerogatif Duli Yang Maha Mulia terpelihara**

**XCVI.** Kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini, Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini tidaklah menyentuh prerogatif, kuasa dan bidang kuasa Duli Yang Maha Mulia.

*Bab 10 – Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri*

**Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri**

**XCVII.** (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri yang bidang kuasanya hendaklah, tertakluk kepada peruntukan yang berikut, meliputi semua orang yang menjadi anggota perkhidmatan awam Negeri.

(2) Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia menurut budi bicara Baginda tetapi selepas menimbangkan nasihat Menteri Besar, iaitu —

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi; dan
- (c) tidak kurang daripada empat tetapi tidak lebih daripada lapan orang anggota lain.

(3) Pengerusi atau Timbalan Pengerusi hendaklah dilantik daripada kalangan orang yang menjadi anggota mana-mana perkhidmatan awam atau pernah, pada bila-bila masa dalam tempoh lima tahun sebelum sahaja tarikh beliau mula-mula dilantik, menjadi anggota mana-mana perkhidmatan awam.

(4) Seseorang anggota perkhidmatan awam Negeri yang dilantik menjadi Pengerusi atau Timbalan Pengerusi tidaklah layak untuk apa-apa pelantikan lagi dalam perkhidmatan Negeri melainkan sebagai anggota Suruhanjaya ini.



(5) (i) Ahli mana-mana Majlis Parlimen atau Ahli Dewan Undangan sesuatu Negeri tidak boleh dilantik menjadi anggota Suruhanjaya ini.

(ii) Tertakluk kepada Fasal (3) seseorang tidak boleh dilantik menjadi anggota Suruhanjaya jika beliau ialah, dan tidak boleh terus menjadi anggota sedemikian jika beliau menjadi—

- (a) anggota mana-mana perkhidmatan awam Persekutuan atau mana-mana Negeri;
- (b) pegawai atau pekerja mana-mana pihak berkuasa tempatan atau sesuatu pertubuhan perbadanan atau pihak berkuasa yang ditubuhkan melalui undang-undang bagi maksud-maksud awam;
- (c) anggota sesuatu kesatuan sekerja atau sesuatu badan atau persatuan yang bergabung dengan sesuatu kesatuan sekerja.

(iii) Seseorang anggota mana-mana perkhidmatan awam boleh dilantik menjadi dan terus menjadi Pengerusi atau Timbalan Pengerusi dan, jika beliau sedang bercuti sebelum bersara, beliau boleh dilantik menjadi seorang anggota lain Suruhanjaya ini.

(iv) Jika dalam apa-apa tempoh masa, seseorang anggota Suruhanjaya telah dibenarkan bercuti oleh Duli Yang Maha Mulia atau tidak dapat menunaikan fungsinya sebagai anggota kerana beliau tidak berada dalam Persekutuan, sakit atau apa-apa sebab lain, Duli Yang Maha Mulia boleh melantik mana-mana orang yang layak dilantik untuk mengambil tempatnya bagi menjalankan fungsinya dalam tempoh masa itu, dan pelantikan orang sedemikian hendaklah dibuat mengikut cara yang sama seperti pelantikan anggota yang fungsinya akan dijalankan oleh orang itu.

(v) Suruhanjaya boleh bertindak walaupun ada kekosongan dalam keanggotaannya dan tiada prosiding Suruhanjaya itu boleh menjadi terbatal semata-mata oleh sebab seseorang yang

tidak berhak berbuat demikian telah mengambil bahagian dalam prosiding itu.

(vi) Sebelum menjalankan fungsinya sebagai seorang anggota Suruhanjaya atau di bawah perenggan (iv) mana-mana orang hendaklah mengangkat dan menandatangani di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi suatu sumpah jawatan dan taat setia seperti yang berikut:

“Saya,....., yang telah dilantik untuk memegang jawatan anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri bagi Negeri Selangor dengan sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) bahawa saya akan menunaikan kewajipan jawatan itu dengan jujur dan dengan segala daya upaya saya, dan bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Negeri Selangor dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Undang-Undang Tubuh Kerajaannya.”

(6) Seseorang anggota Suruhanjaya—

- (a) hendaklah dilantik untuk tempoh lima tahun atau, jika Duli Yang Maha Mulia yang bertindak menurut budi bicara Baginda tetapi selepas menimbang nasihat Menteri Besar menentukan sedemikian dalam sesuatu hal tertentu, untuk suatu tempoh yang lebih pendek seperti yang ditentukan oleh Baginda;
- (b) boleh, melainkan jika hilang kelayakan, dilantik semula dari semasa ke semasa; dan
- (c) boleh, pada bila-bila masa meletakkan jawatannya tetapi tidak boleh dipecat daripada jawatan kecuali atas alasan dan mengikut cara yang sama seperti seorang Hakim Mahkamah Persekutuan.

(7) Dewan Negeri hendaklah melalui undang-undang mengadakan peruntukan bagi saraan mana-mana anggota Suruhanjaya selain seseorang anggota yang peruntukan bagi saraannya sebagai pemegang mana-mana jawatan lain ada dibuat oleh undang-undang



Negeri; dan saraan yang diperuntukkan sedemikian hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan.

(8) Saraan dan terma lain jawatan seseorang anggota Suruhanjaya tidak boleh selepas pelantikannya diubah hingga mendatangkan kerugian baginya.

(9) Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang sedia ada dan kepada peruntukan-peruntukan Bahagian ini, maka adalah menjadi kewajipan Suruhanjaya untuk melantik, mengesahkan dan memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau berpencen, menaikkan pangkat, menukarkan dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya.

(10) Undang-Undang Negeri boleh mengadakan peruntukan bagi Suruhanjaya menjalankan fungsi lain.

(11) Suruhanjaya boleh mewakilkan kepada mana-mana pegawai dalam perkhidmatan awam Negeri atau kepada mana-mana lembaga pegawai sedemikian yang dilantik olehnya, mana-mana fungsinya di bawah Fasal (9) berkenaan dengan mana-mana tingkat perkhidmatan, dan pegawai atau jemaah itu hendaklah menjalankan fungsi itu di bawah arahan dan kawalan Suruhanjaya.

(12) Suruhanjaya boleh, tertakluk kepada peruntukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini dan undang-undang Negeri, membuat kaedah bagi mengawal selia prosedurnya dan menetapkan bilangan anggotanya yang membentuk kuorum.

(13) Suruhanjaya hendaklah membuat laporan tahunan tentang kegiatannya kepada Duli Yang Maha Mulia dan salinan laporan ini hendaklah dibentangkan dalam Dewan Negeri.

(13A) (i) Walau apa pun peruntukan Fasal (9), semua kuasa dan fungsi Suruhanjaya selain kuasa pelantikan pertama kepada perjawatan tetap dan berpencen, boleh dijalankan oleh satu Lembaga yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia.

(ii) Mana-mana orang yang terkilan akibat pelaksanaan oleh Lembaga mana-mana kuasa atau fungsi yang disebut terdahulu

boleh merayu kepada mana-mana Lembaga Rayuan yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia.

(iii) Duli Yang Maha Mulia boleh melalui peraturan mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan pelantikan anggota, dan prosedur yang hendaklah dipatuhi oleh Lembaga atau Lembaga Rayuan di bawah Fasal ini.

(iv) Apabila Duli Yang Maha Mulia sudah melantik Lembaga di bawah perenggan (i) Fasal ini bagi tujuan menjalankan mana-mana kuasa atau fungsi yang disebut di bawah perenggan itu, kuasa atau fungsi sedemikian hendaklah, selagi ia kekal menjadi kuasa atau fungsi yang kena dijalankan oleh Lembaga itu, terhenti menjadi boleh dijalankan oleh Suruhanjaya tersebut.

(14) Dalam Perkara ini—

- (a) “pertukaran” tidak termasuk pertukaran tanpa perubahan pangkat dalam sesuatu jabatan atau jabatan-jabatan Kerajaan;
- (b) “Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri yang ditubuhkan di bawah Fasal (1);
- (c) sebutan mengenai orang dalam perkhidmatan awam tidak termasuk sebutan mengenai mana-mana orang yang disebut dalam Fasal (3) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan.

*Bab 11 – Pindaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan*

**Pindaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan**

**XCVIII.** (1) Peruntukan yang berikut dalam Perkara ini hendaklah berkuat kuasa berkenaan dengan pindaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini.

(2) Peruntukan Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini, kecuali Perkara III dan perenggan (b) Perkara XXXVIII boleh dipinda oleh Duli Yang Maha Mulia melalui



Proklamasi yang dikeluarkan dengan nasihat dan persetujuan Dewan di-Raja yang ditubuhkan di bawah Perkara XXIII tetapi tidak boleh dipinda oleh Badan Perundangan Negeri atau melalui apa-apa cara lain.

(3) Peruntukan perenggan (b) Perkara XXXVIII dan Perkara XLVII, XLVIII dan XCIII boleh, tertakluk kepada Fasal (5), dipinda melalui Rang Undang-Undang yang diluluskan oleh Dewan Negeri dan dipersetujui oleh Dewan Negeri dan dipersetujui oleh Dewan di-Raja yang ditubuhkan di bawah Perkara XXIII dan diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia, tetapi tidak boleh dipinda melalui apa-apa cara lain.

(4) Peruntukan Bahagian Kedua kecuali Perkara XLVII, XLVIII dan XCIII dan peruntukan Perkara I, II dan III boleh, tertakluk kepada Fasal (5), dipinda melalui suatu enakmen Badan Perundangan Negeri tetapi tidak boleh dipinda melalui apa-apa cara lain.

(5) Sesuatu Rang Undang-Undang bagi membuat sesuatu pindaan kepada Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini tidak boleh diluluskan oleh Dewan Negeri melainkan jika ia telah disokong pada Bacaan Kali Kedua dan Kali Ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga jumlah bilangan ahli Dewan Negeri.

(5A) Pindaan yang berikut adalah dikecualikan daripada peruntukan Fasal (5), iaitu—

- (a) apa-apa pindaan kepada takrif wilayah Negeri ini yang dibuat berikutan dengan lulusnya suatu undang-undang yang mengubah sempadan Negeri ini di bawah Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan dan yang telah dipersetujui oleh Dewan Negeri dan Majlis Raja-Raja di bawah Perkara yang tersebut; dan
- (b) apa-apa pindaan yang kesannya ialah menjadikan Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini selaras dengan mana-mana peruntukan Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan, tetapi hanya jika dibuat selepas Dewan Negeri dipilih mengikut Perkara LXII.

(6) Dalam Perkara ini "pindaan" termasuklah tambahan dan pemansuhan.

*Bab 12 – Peruntukan Peralihan*

**Peruntukan sementara tentang keanggotaan Majlis Mesyuarat Kerajaan**

**XCIX.** (1) Selepas pembubaran Majlis Negeri yang terakhir, Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah terdiri daripada Duli Yang Maha Mulia, Menteri Besar dan semua orang yang menjadi anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan sebelum sahaja pembubaran itu tetapi tiada orang sedemikian boleh terus memegang jawatan tersebut selepas bermulanya Penggal pertama Dewan Negeri Pertama melainkan jika dia ialah ahli Dewan Negeri itu.

(2) Selepas pembubaran Dewan Negeri yang pertama atau yang berikutnya Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah terdiri daripada Menteri Besar dan semua orang yang menjadi anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan sebelum sahaja pembubaran Dewan Negeri tetapi orang tersebut tidak boleh terus memegang jawatan itu selepas bermulanya Penggal pertama Dewan Negeri yang baru melainkan jika dia ialah ahli Dewan Negeri itu.

*Bab 13 – Pencetakan Semula dan Teks Sahih  
Undang-Undang Tubuh Kerajaan*

**Pencetakan semula dan teks sahih Undang-Undang Tubuh Kerajaan**

**C.** (1) Pihak berkuasa yang dilantik di bawah undang-undang Negeri bagi maksud menyemak undang-undang boleh, dengan kebenaran Duli Yang Maha Mulia, mencetak naskhah Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini dengan semua tambahan, tinggalan, gantian dan pindaan yang perlu yang dibuat melalui Undang-Undang, Akta Parlimen atau Enakmen yang meminda, dan naskhah itu hendaklah disifatkan sebagai naskhah sebenar Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini yang dipinda sedemikian.

(2) Tertakluk kepada undang-undang persekutuan, jika Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini sudah diterjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan, Duli Yang Maha Mulia boleh menetapkan teks bahasa kebangsaan itu sebagai teks sahih.



## JADUAL

[Perkara LXXVII]

## KUASA DAN KEISTIMEWAAN DEWAN NEGERI

1. Dalam Jadual ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“ahli” ertinya ahli Dewan;

“Dewan” ertinya Dewan Undangan Negeri;

“jawatankuasa” ertinya sesuatu jawatankuasa Dewan;

“jurnal” ertinya minit Dewan atau rekod rasmi prosidingnya;

“pegawai Dewan” dan “pegawai” ertinya Setiausaha Dewan dan mana-mana orang yang diisytiharkan oleh Speaker sebagai pegawai Dewan;

“peraturan tetap” ertinya Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Tetap Dewan yang sedang berkuat kuasa.

2. Maka hendaklah ada kebebasan bercakap dan perbahasan atau prosiding dalam Dewan dan kebebasan bercakap dan perbahasan atau prosiding itu tidaklah boleh dicabar atau dipertikaikan dalam mana-mana mahkamah atau tribunal di luar Dewan.

3. Tiada ahli boleh dikenakan apa-apa prosiding sivil atau jenayah, ditangkap, dipenjarakan atau dikenakan membayar ganti rugi disebabkan oleh apa-apa perkara atau benda yang mungkin telah dibawa olehnya melalui petisyen, rang undang-undang, ketetapan, usul atau selainnya atau telah diperkatakan dalam Dewan atau di hadapan mana-mana jawatankuasa.

4. Dewan dan mana-mana jawatankuasa yang telah diberi kuasa dengan sewajarnya oleh suatu perintah Dewan untuk memanggil orang atau meminta supaya dikemukakan dokumen atau kertas, boleh, tertakluk kepada peruntukan perenggan 7 dan 8 Jadual ini, memerintahkan mana-mana orang supaya hadir di hadapan Dewan atau mana-mana jawatankuasa itu untuk memberikan keterangan atau mengemukakan apa-apa kertas, buku, rekod atau dokumen yang dalam milikan atau di bawah kawalan orang itu.

5. Apa-apa perintah supaya hadir untuk memberikan keterangan atau untuk mengemukakan dokumen di hadapan Dewan atau di hadapan mana-mana jawatankuasa hendaklah diberitahukan kepada orang yang dikehendaki supaya hadir itu atau supaya mengemukakan dokumen itu dengan suatu saman yang ditandatangani oleh Setiausaha Dewan yang dikeluarkan atas arahan Speaker. Dalam tiap-tiap saman itu hendaklah dinyatakan masa, dan tempat, orang yang di saman itu dikehendaki hadir dan dokumen tertentu yang perlu dikemukakannya.

Saman itu hendaklah disampaikan kepada orang yang tersebut dalam saman itu sama ada dengan cara menyerahkan kepadanya satu salinan saman itu atau dengan cara meninggalkan satu salinan saman itu dengan seseorang orang dewasa di tempat kediamannya yang biasa atau yang terakhir diketahui dalam Negeri ini. Maka hendaklah dibayar atau ditawarkan kepada orang yang di saman itu, jika dia tidak tinggal dalam lingkungan enam batu dari Kamar Dewan, sejumlah wang bagi perbelanjaannya sebagaimana yang ditetapkan oleh mana-mana peraturan tetap bagi maksud itu.

6. Dewan atau mana-mana jawatankuasa boleh menghendaki supaya apa-apa fakta, perkara dan benda berhubungan dengan perkara yang disiasat oleh Dewan atau jawatankuasa itu ditentukan atau selainnya ditentukan melalui pemeriksaan lisan saksi dan boleh menyebabkan mana-mana saksi itu diperiksa dengan mengangkat sumpah yang ditadbirkan oleh Speaker atau pengerusi jawatankuasa itu atau orang yang dilantik khas oleh Speaker atau pengerusi itu bagi maksud itu.

7. Jika mana-mana orang yang diperintahkan supaya hadir untuk memberikan keterangan atau untuk mengemukakan apa-apa kertas, buku, rekod atau dokumen di hadapan Dewan atau mana-mana jawatankuasa enggan menjawab apa-apa soalan yang dikemukakan kepadanya atau untuk mengemukakan apa-apa kertas, buku, rekod atau dokumen sedemikian atas alasan bahawa jawapan, kertas, buku, rekod atau dokumen itu merupakan perkara peribadi dan tidak menyentuh perkara yang disiasat, maka Speaker atau pengerusi jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh melaporkan keengganan tersebut bersama-sama dengan alasannya kepada Dewan dan Dewan boleh sesudah itu sama ada mengecualikan penjawaban soalan itu atau pengemukaan kertas, buku, rekod atau dokumen itu atau memerintahkan penjawaban atau pengemukaannya.

8. (1) Tiap-tiap orang yang diperintahkan supaya hadir untuk memberikan keterangan atau untuk mengemukakan apa-apa kertas, buku, rekod atau dokumen di hadapan Dewan atau mana-mana jawatankuasa adalah berhak, berkenaan dengan keterangan itu atau pendedahan apa-apa komunikasi atau pengemukaan apa-apa kertas, buku, rekod atau dokumen sedemikian, mendapat hak atau keistimewaan yang sama seperti di hadapan mahkamah.

(2) Tiada pegawai awam boleh—

- (a) mengemukakan di hadapan Dewan atau mana-mana jawatankuasa apa-apa kertas, buku, rekod atau dokumen; atau
- (b) memberikan di hadapan Dewan atau mana-mana jawatankuasa keterangan tentang apa-apa perkara,

yang berhubungan dengan surat-menyurat mana-mana angkatan tentera laut, darat, udara atau jabatan kerajaan atau berhubungan dengan apa-apa perkara yang menyentuh perkhidmatan awam, kecuali dengan persetujuan Menteri Besar, dan tidak jua boleh diterima oleh atau dikemukakan di hadapan Dewan atau mana-mana jawatankuasa keterangan sekunder berkenaan dengan isi kandungan mana-mana kertas, buku, rekod atau dokumen sedemikian.



9. Tiap-tiap saksi di hadapan Dewan atau sesuatu jawatankuasa yang menjawab dengan sepenuhnya dan sejujurnya apa-apa soalan yang dikemukakan kepadanya oleh Dewan atau jawatankuasa itu sehingga Dewan atau jawatankuasa itu berpuas hati adalah berhak untuk menerima suatu perakuan yang ditandatangani oleh Speaker atau pengerusi jawatankuasa itu, yang menyatakan bahawa saksi itu telah dikehendaki menjawab, semasa diperiksa, dan sudah menjawab apa-apa soalan sedemikian.

10. Tiada ahli atau pegawai Dewan dan tiada jurutrengkas yang digajikan untuk mencatatkan minit keterangan di hadapan Dewan atau mana-mana jawatankuasa boleh memberikan keterangan di tempat lain berkenaan dengan kandungan keterangan itu atau kandungan apa-apa manuskrip atau dokumen yang dibentangkan di hadapan Dewan atau mana-mana jawatankuasa atau berkenaan dengan apa-apa prosiding atau pemeriksaan yang telah dibuat di hadapan Dewan atau mana-mana jawatankuasa tanpa terlebih dahulu mendapat dan memperoleh kebenaran khas Dewan. Kebenaran khas itu boleh diberikan selepas pembubaran atau semasa rehat atau penangguhan oleh Speaker atau, sekiranya Speaker tiada atau tidak berkeupayaan, oleh Setiausaha Dewan.

11. Apabila apa-apa siasatan menyentuh keistimewaan, kekebalan dan kuasa Dewan atau mana-mana ahli, apa-apa salinan jurnal yang dicetak atau yang berupa sebagai dicetak oleh pihak berkuasa yang dilantik di bawah undang-undang negeri bagi maksud menyemak undang-undang atau oleh atau di bawah kuasa Dewan hendaklah diterima sebagai keterangan tentang jurnal itu dalam semua mahkamah dan tempat tanpa diberikan apa-apa bukti bahawa salinan itu telah dicetak sedemikian.

12. Mana-mana orang yang menjadi defendan dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah yang dibawa kerana atau disebabkan oleh atau berkenaan dengan penerbitan, oleh orang itu atau oleh pengkhidmatnya dengan perintah di bawah kuasa Dewan atau mana-mana jawatankuasa, apa-apa laporan, kertas, minit, undi atau prosiding, boleh, selepas memberi plaintif atau pendakwa, mengikut mana-mana yang berkenaan, notis bertulis dua puluh empat jam tentang tujuannya untuk berbuat demikian, membawa ke hadapan mahkamah di mana prosiding sivil atau jenayah itu diadakan suatu perakuan yang ditandatangani oleh Speaker atau Setiausaha Dewan yang menyatakan bahawa laporan, kertas, minit, undi atau prosiding yang berkenaan dengannya prosiding sivil atau jenayah itu telah dimulakan, telah diterbitkan oleh orang itu atau oleh pengkhidmatnya dengan perintah atau di bawah kuasa Dewan atau mana-mana jawatankuasa, bersama-sama dengan suatu affidavit yang menentusahkan perakuan itu, dan mahkamah itu hendaklah dengan itu serta-merta menangguhkan prosiding sivil atau jenayah itu dan prosiding itu serta tiap-tiap proses yang telah dikeluarkan dalam prosiding itu hendaklah disifatkan telah ditamatkan secara muktamad.

13. Jika, dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah yang dimulakan kerana penerbitan apa-apa cabutan daripada atau ringkasan mana-mana laporan, kertas, minit, undi atau prosiding itu, sebagaimana yang tersebut di dalam perenggan sebelum perenggan ini, mahkamah berpuas hati bahawa cabutan atau ringkasan itu telah diterbitkan *bona fide* dan tanpa niat jahat, penghakiman hendaklah diberikan kepada defendan atau yang tertuduh.

14. (Dipotong oleh En. No. 2/1995).

---

**Pengesahan**

Begitulah. Demikianlah kandungan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.

**Doa**

Semoga ALLAH *Subhanahu Wa Ta'ala* yang memiliki segala kekuasaan, yang terhimpun padaNya segala pujian dan sanjungan serta yang melimpahkan rahmatNya kepada Nabi Muhammad (*s.a.w.*) akan sentiasa menganugerahkan keberkatanNya kepada Bahagian-Bahagian dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, untuk selama-lamanya.

*Amin, Ya Rabbal 'Alamin.*

Diperbuat di Astana Beta di Morib, pada hari yang keempat belas dalam bulan *Syawal*, tahun satu ribu tiga ratus tujuh puluh lapan *Hijrah* Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wassallam* bersamaan dengan hari yang kedua puluh dua dalam bulan April, tahun seribu sembilan ratus lima puluh sembilan Masihi, yang merupakan tahun yang kedua puluh satu pemerintahan BETA.

PADA MENYAKSIKAN pengurniaan ini kami telah menurunkan tandatangan kami masing-masing:

ABDUL JAMIL BIN ABDUL RAIS  
*Menteri Besar*

HASHIM BIN MAT IDRIS  
*Setiausaha Kerajaan*

BAHAUDIN BIN MOHD. YACOB  
*Penasihat Undang-Undang*

BADLI SHAH  
*Tengku Laksamana*

ISMAIL SHAH  
*Tengku Panglima Besar*

ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ

ABDULLAH BIN HAJI MOHD YASSIN

V. MANICKAVASAGAM



LEE YOON THIM

MAHMOOD BIN HAJI ABDUL RAHMAN

HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI IBRAHIM  
*Orang Kaya Maha Bijaya, Ulu Selangor*HAJI IBRAHIM BIN DATO' ISMAIL  
*Dato' Penggawa Permatang Paduka Maha Bijaya  
Kuala Selangor*ABDUL GHANI BIN SHAMSUDDIN  
*Orang Kaya To' Engku Maha Bijaya, Ulu Langat*

[Sel. Sec. Conf. 1063]

[DUN. Sel. 30287/i Jld. I; P.U.Sel.0185/AM]

---

## UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR

### UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN SELANGOR 1959

#### SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.W.S. No. 281/1960	Perisytiharan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 1960	26-05-1960
S.L.N. 6/1962	Perisytiharan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 1962	01-07-1962
En. No. 9/1962	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 1962	30-08-1962
En. No. 7/1964	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 1964	19-11-1964
P.W.S. No. 47/1966	Perisytiharan	02-02-1966
En. No. 9/1968	Enakmen (Pindaan) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1968	31-01-1969
En. No. 1/1969	Enakmen (Pindaan) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1969	18-11-1968
En. No.1/1973	Enakmen (Pindaan) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1973	09-05-1973
P.W.S. No. 367/1973	Perisytiharan	10-08-1973
En. No. 4/1973	Enakmen Wilayah Persekutuan 1973	01-02-1974
En. No. 7/1974	Enakmen (Pindaan) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1974	29-11-1974
P.W.S. No.104/1975	Perisytiharan	01-01-1975



Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.W.S. No. 436/1977	Perisytiharan	25-11-1977
En. No. 4/1983	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 1983	15-12-1983
En. No. 1/1984	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 1984	16-12-1983
Sel. P.U. 7/1989	Perisytiharan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 1989	01-01-1989
Sel. P.U. 2/1990	Proklamasi Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 1990	01-02-1990
En. No. 2/1990	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 1990	31-08-1990
En. No. 7/1990	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 1990	05-01-1991
En. No. 4/1993	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Kedua) (Pindaan) 1993	23-07-1993
En. No. 1/1994	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Kedua) (Pindaan) 1994	13-05-1994
En. No. 2/1995	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 1995	24-11-1995
Sel. P.U. 2/1996	Proklamasi Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 1996	01-01-1996
Sel. P.U. 25/1997	Proklamasi Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 1997	01-06-1997

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Sel. P.U. 7/1998	Proklamasi Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 1998	15-09-1998
En. No. 2/2000	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 2000	06-12-1999
En. No. 9/2000	Enakmen Wilayah Persekutuan Putrajaya 2000	01-02-2001
Sel. P.U. 16/2002	Proklamasi Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 2002	23-05-2002
En. No. 6/2003	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 2003	25-07-2003
Sel. P.U. 9/2003	Proklamasi Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 2003	10-04-2003
En. No. 6/2005	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 2005	22-02-2006
En. No. 2/2007	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor (Pindaan) 2007	13-09-2007

---



## UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN  
SELANGOR 1959

## SENARAI PERKARA YANG DIPINDA

Perkara	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
IV	Sel. P.U. 16/2002 Sel. P.U. 9/2003	23-05-2002 10-04-2003
VI	Sel. P.U. 9/2003	10-04-2003
VIII	Sel. P.U. 9/2003	10-04-2003
IX	Sel. P.U. 9/2003	10-04-2003
IXA	Sel. P.U. 7/1989 Sel. P.U. 7/1998 Sel. P.U. 16/2002 Sel. P.U. 9/2003	01-01-1989 15-09-1998 23-05-2002 10-04-2003
X	Sel. P.U. 9/2003	10-04-2003
XI	Sel. P.U. 9/2003	10-04-2003
XII	Sel. P.U. 7/1989	01-01-1989
XIII	Sel. P.U. 9/2003	10-04-2003
XIV	Sel. P.U. 9/2003	10-04-2003
XX	Sel. P.U. 9/2003	10-04-2003
XXI	P.W.S. No. 281/1960 Sel. P.U. 9/2003	26-05-1960 10-04-2003
XXIII	Sel. P.U. 9/2003	10-04-2003
XXIV	P.W.S. No. 281/1960 S.L.N. 6/1962 P.W.S. No. 47/1966 P.W.S. No. 367/1973 P.W.S. 104/1975 Sel. P.U. 7/1989 Sel. P. U. 2/1996	26-05-1960 01-07-1962 02-02-1966 10-08-1973 01-01-1975 01-01-1989 01-01-1996
XXIVA	Sel. P.U. 2/1990 Sel. P.U. 9/2003	01-02-1990 10-04-2003

Perkara	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
XXV	Sel. P.U. 9/2003	10-04-2003
XXVI	P.W.S. No. 281/1960 S.L.N. 6/1962 Sel. P.U. 9/2003	26-05-1960 01-07-1962 10-04-2003
XXVII	Sel. P.U. 9/2003	10-04-2003
XXVIII	Sel. P.U. 9/2003	10-04-2003
XXIX	Sel. P.U. 9/2003	10-04-2003
XXX	Sel. P.U. 9/2003	10-04-2003
XXXI	Sel. P.U. 9/2003	10-04-2003
XXXII	Sel. P.U. 9/2003	10-04-2003
XXXIII	Sel. P.U. 9/2003	10-04-2003
XXXIV	Sel. P.U. 9/2003	10-04-2003
XXXV	Sel. P.U. 9/2003	10-04-2003
XXXVI	Sel. P.U. 9/2003	10-04-2003
XXXVII	Sel. P.U. 9/2003	10-04-2003
XXXVIII	Sel. P.U. 9/2003	10-04-2003
XXXIX	Sel. P.U. 9/2003	10-04-2003
XLI	P.W.S. 436/1977 Sel. P.U. 7/1989 Sel. P.U. 25/1997 Sel. P.U. 7/1998 Sel. P.U. 16/2002	25-11-1977 01-01-1989 01-06-1997 15-09-1998 23-05-2002
XLIIIA	Sel. P.U. 7/1998	15-09-1998
XLV	En. No. 2/1995	24-11-1995
XLVI	En. No. 4/1973 En. No. 2/1995 En. No. 9/2000	01-02-1974 24-11-1995 01-02-2001
XLVIII	En. No. 7/1974	29-11-1974
XLIX	En. No. 2/1995	24-11-1995
L	En. No. 2/1995	24-11-1995
LI	En. No. 7/1990	05-01-1991



Perkara	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
LII	En. No. 4/1993	23-07-1993
LIII	En. No. 7/1990 En. No. 2/1995	05-01-1991 24-11-1995
LIVA	En. No. 7/1964 En. No. 2/1995	19-11-1964 24-11-1995
LV	En. No. 4/1993 En. No. 2/1995	23-07-1993 24-11-1995
LX	En. No. 4/1993 En. No. 2/1995	23-07-1993 24-11-1995
LXII	En. No. 4/1983 En. No. 1/1984	15-12-1983 16-12-1983
LXIII	En. No. 2/1995	24-11-1995
LXIV	En. No. 9/1962 En. No. 2/1990 En. No. 2/1995	30-08-1962 31-08-1990 24-11-1995
LXVI	En. No. 7/1964	19-11-1964
LXVII	En. No. 4/1983 En. No. 2/1995	15-12-1983 24-11-1995
LXX	En. No. 1/1969 En. No. 1/1994	18-11-1968 13-05-1994
LXXI	En. No. 4/1983 En. No. 2/1995 En. No. 2/2000	15-12-1983 24-11-1995 06-12-1999
LXXII	En. No. 4/1983	15-12-1983
LXXVIII	En. No. 2/1995	24-11-1995
LXXXII	En. No. 2/1995	24-11-1995
LXXXVI	En. No. 7/1964 En. No. 2/1995	19-11-1964 24-11-1995
LXXXIX	En. No. 2/1995	24-11-1995
XCI	En. No. 2/1995	24-11-1995
XCV	En. No. 2/1995	24-11-1995
XCVII	En. No. 9/1968 En. No. 7/1974 En. No. 2/1995	31-01-1969 29-11-1974 24-11-1995

Perkara	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
XCVIII	En. No. 1/1973	09-05-1973
	En. No. 2/1995	24-11-1995
	En. No. 6/2003	25-07-2003
C	En. No. 2/1995	24-11-1995
	En. No. 6/2005	22-02-2006
Jadual	En. No. 2/1995	24-11-1995
	En. No. 2/2007	13-09-2007

---



**Perpustakaan Negara Malaysia**

**Cataloguing-in-Publication Data**

Laws of the State of Selangor : Laws of the Constitution of Selangor 1959.

ISBN 978-967-5160-10-3

1. Constitutional law—Selangor.

342.9595115



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA  
WJW000131 04-02-2013